

جورنل مهاملات

JURNAL MUAMALAT

Bil. 3 • 2010/1431 H

ISSN: 1985-6156

Takaful: Analisis Terhadap Konsep dan Akad

Azman bin Mohd Noor

Mohamad Sabri bin Zakaria

Analisis Terhadap Manfaat Simpanan Wang di Bank

Shofian bin Ahmad

Hayatullah Laluddin

Krisis Kredit Menurut Perspektif Pengurusan Risiko Islam:

Bagaimana Syariah Memberikan Pengajaran Bernilai Untuk Kapitalis

Azman bin Ismail

Muhammad Ali Jinnah bin Ahmad

Hukum Bermuamalat dengan Sumber Yang Haram

Zaharudin bin Muhammad

Institusi Hisbah dan Peranannya dalam Mengawal Kegiatan Ekonomi Negara Islam

Zulfaqar bin Mamat

Operational Issues and Shariah Harmonisation Towards the Development of Corporate Takaful Business: Conventional Debt Financing and Reinsurance Mechanism

Mohamad bin Abdul Hamid

Nor Inayah binti Yaa'kub

Nik Mutasim bin Nik Ab. Rahman

Qabd dan Hukum Penarikan Balik Hibah

Noor Lizza binti Mohamed Said

Mohd Ridzuan bin Awang

Amir Husin bin Mohd Nor

Hukum Mempromosikan Produk Insurans Konvensional

Mohamad Zarifi bin Mohamad Daud

الاستثمار بالمشاركة في المصارف الإسلامية

Mohd Nasran bin Mohamad

Abdul Wadud Mustafa Mursi Al-Saudi



جابتنك ما جواز اسلام مليسيا

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

JURNAL MUAMALAT

BIL. 3 • 2010/1431H



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Sidang Redaksi Jurnal Muamalat

Penasihat

DATO' HAJI WAN MOHAMAD BIN DATO' SHEIKH ABD AZIZ
Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Ketua Editor

HAJI RAZALI BIN HAJI SHAHABUDIN
Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan

Penolong Ketua Editor

HAJI MUNIR BIN HAJI MD. SALLEH
Ketua Penolong Pengarah Cawangan Muamalat dan Sosio Ekonomi
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan

Sidang Editor

Syahnaz binti Sulaiman • Norhalina binti Othman
Mohd Kamil bin Abu Talib • Abdul Muhaimin bin Mahmood

Penasihat Bahasa: Dr. Haji Abdul Razak bin Haji Dali dan Hajah Sharifah Shipak binti Syed Hassan Aidid

Pembaca prof: Fatimah binti Saad • Haji Mazlan bin Abdullah • Che Alias bin Che Ismail • Kamarul Saman bin Yaacob • Dayang Sitiawa binti Pgn Shamsudin • Hasni binti Ali • Taqwa binti Zabidi • Siti Khumaizah binti M. Moideen • Mohd Aizam bin Masod • Sabri bin Mat Yasim • Mohamad Zarifi bin Mohmad Daud • Kamarulzaman bin Mustappa • Eizzul A'la bin Bajuri • Shahril Azwan bin Hussin • Akhrun bin Musa • Radihan bin Saari

Ahli Jawatankuasa: Zainur Akmar binti Abdul Adi • Sofiah Noor binti Yahya • Selamah binti Mat Saman • Maznah binti Md Nor

Penerbit: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Aras 6, Blok D7, Kompleks D, Pusat Pentabiran Kerajaan Persekutuan, 62519 Putrajaya.

Konsep, Rekabentuk & Percetakan: Visual Print Sdn. Bhd. A-1-7A, No. 2, Jln 12/144A, Tmn Bkt. Cheras, 56000 Kuala Lumpur. Tel: 03-9100 2420/9100 2389 Fax: 03-9102 1389

Penafian: Rencana yang terdapat dalam jurnal ini adalah milik penulis dan tidak menggambarkan pendapat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

JURNAL MUAMALAT (ISSN:1985-6156) diterbitkan setahun sekali oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia sebagai platform penyebaran maklumat tentang aspek teori, aplikasi dan penyelidikan dalam bidang muamalat dan ekonomi Islam.

SUMBANGAN ARTIKEL Segala pertanyaan mengenai jurnal dan sumbangan artikel hendaklah dialamatkan kepada Ketua Editor Jurnal Muamalat, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Aras 6, Blok D7, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62519 Putrajaya.

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan cetak mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 62519 Putrajaya. Perundingan tertakluk kepada royalti atau honorarium.

KANDUNGAN

- Takaful: Analisis Terhadap Konsep dan Akad 1
Azman bin Mohd Noor
Mohamad Sabri bin Zakaria
- Analisis Terhadap Manfaat Simpanan Wang di Bank 29
Shofian bin Ahmad
Hayatullah Laluddin
- Krisis Kredit Menurut Perspektif Pengurusan Risiko Islam: 47
Bagaimana Syariah Memberikan Pengajaran Bernilai Untuk Kapitalis
Azman bin Ismail
Muhammad Ali Jinnah bin Ahmad
- Hukum Bermuamalat dengan Sumber Yang Haram 77
Zaharudin bin Muhammad
- Institusi Hisbah dan Peranannya dalam Mengawal Kegiatan 113
Ekonomi Negara Islam
Zulfaqar bin Mamat
- Operational Issues and Shariah Harmonisation Towards the 139
Development of Corporate Takaful Business: Conventional Debt
Financing and Reinsurance Mechanism
Mohamad bin Abdul Hamid
Nor Inayah binti Yaa'kub
Nik Mutasim bin Nik Ab. Rahman
- Qabd dan Hukum Penarikan Balik Hibah 157
Noor Lizza binti Mohamed Said
Mohd Ridzuan bin Awang
Amir Husin bin Mohd Nor
- Hukum Mempromosikan Produk Insurans Konvensional 185
Mohamad Zarifi bin Mohamad Daud
- الاستثمار بالمشاركة في المصارف الإسلامية 201
Mohd Nasran bin Mohamad
Abdul Wadud Mustafa Mursi Al-Saudi

Biodata Penulis

AZMAN BIN ISMAIL merupakan CEO, IIFIN Planners Sdn. Bhd., sebuah syarikat yang menyediakan khidmat nasihat Syariah yang dilesenkan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan merupakan ahli kepada Panel Maklumat, Amanah Raya Berhad. Beliau memulakan kerjayanya di salah sebuah syarikat takaful yang terawal ditubuhkan di Malaysia pada tahun 1985. Semenjak tahun 1999 beliau telah melibatkan diri dan menceburi melaksanakan program latihan dan khidmat konsultansi di kebanyakan syarikat takaful di Malaysia dan di beberapa negara luar seperti Singapura, Brunei, Indonesia, Qatar dan Arab Saudi. Pada masa ini beliau merupakan ahli kumpulan penyelidik Islamic Insurance-Takaful of the Chartered Insurance yang berpusat di London. Emel: azmanwong@gmail.com

AZMAN BIN MOHD NOOR bertugas sebagai Pembantu Professor di Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh, Universiti Islam Antarabangsa. Beliau mempunyai dua kelulusan Ijazah Sarjana Syariah dari Universiti Kebangsaan Malaysia (2000), Ijazah Sarjana Syariah dari Universiti Islam Antarabangsa (2001), Ijazah Sarjana Muda Syariah di Universiti Islam Madinah pada tahun 1997 dan telah memperoleh ijazah kedoktoran juga di dalam bidang syariah dari Universiti Edinburgh, Scotland (2005). Beliau telah dilantik menjadi Penasihat Syariah kepada Bank Al-Rajhi (Malaysia) dan juga MNRB Retakaful. Emel: azzmannor@yahoo.co.uk

MOHD NASRAN BIN MOHAMAD ialah Profesor di Jabatan Syariah dan Dekan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Dilahirkan pada 25 Oktober 1965 di Kuala Terengganu. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Manir (1972-1977), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring, Kuala Terengganu (1978) Sekolah Menengah Agama Sultan Ismail Dungun (1979-1980) dan seterusnya KUSZA (1981-1982 & 1983-1986). Manakala di peringkat pengajian tinggi beliau memperoleh Sarjana Muda Pengajian Islam UKM (1989), Masters of Comparative Law UIAM (1992) dan Ph.D dari Universiti of Manchesters, UK (2000). Emel: nasran@ukm.my

MOHAMAD BIN ABDUL HAMID ialah pensyarah di UKM-Graduate School of Business dan Felo Kanan di Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB) Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau memperoleh ijazah Doktor Falsafah

Perbankan dan Kewangan Islam dari UIAM. Bidang penyelidikan beliau adalah perbankan dan kewangan Islam. Beliau mengajar dan menyelia pelajar-pelajar di peringkat Doktor Falsafah dan Sarjana dalam bidang Perbankan Islam, Takaful, Pengurusan Risiko dan Kewangan Korporat. Kini, beliau merupakan Timbalan Pengarah, Pusat Kembangan Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia. Emel: mdahgsb@gmail.com

MUHAMMAD ALI JINNAH BIN AHMAD ialah penyelidik di International Shariah Research Academy for Islamic Finance (ISRA). Beliau mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Pengurusan, Perbankan dan Kewangan Islam dari Universiti Loughborough, UK dan memperoleh ijazah Sarjana Muda Syariah (Fiqh & Usul) dari Universiti al-Bayt, Jordan. Sebelum menyertai ISRA, beliau merupakan bekas Ketua Jabatan Perbankan dan Kewangan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Emel: alijinnah@isra.my

MOHAMAD ZARIFI BIN HAJI MOHAMAD DAUD berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ilmu Wahyu (Fiqh dan Usul Fiqh), UIAM. Beliau pernah memegang jawatan sebagai pegawai syariah di Jabatan Pematuhan Syariah Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. Beliau sekarang berkhidmat sebagai Penolong Pengarah Cawangan Syariah, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Emel: mdzarifi@islam.gov.my

NOOR LIZZA BINTI MOHAMED SAID ialah pensyarah Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Syariah & Pengajian Islam dari Universiti Mu'tah, Jordan dan Ijazah Sarjana Pengajian Islam (Syariah) dari UKM. Sekarang beliau sedang bercuti melanjutkan pengajian peringkat Ph.D dalam bidang harta Islam pengkhususan hibah dan wasiat. Beliau juga dilantik menjadi Panel Syariah Wasiyyah Shoppe Sdn. Bhd. mulai April 2010 sehingga April 2012. Selain itu, beliau aktif sebagai penceramah dan pengendali kursus-kursus faraid dalam dan luar UKM. Emel: lizza@ukm.my

SHOFIAN BIN AHMAD ialah pensyarah kanan di Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam UKM dari tahun 1994 sehingga sekarang. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Syariah Islamiah dari Universiti al-Azhar, Mesir (1993), Sarjana Ekonomi Islam dari Universiti Yarmouk, Jordan(1998) dan Ph.D Syariah dan Undang-Undang dari Universiti Malaya (2007). Bidang kepakaran beliau adalah merangkumi muamalat, ekonomi dan kewangan Islam. Terlibat dalam menyelia dan menilai tesis-tesis pelajar sarjana dan Ph.D di UKM dan luar UKM. Selain itu, beliau giat melakukan penyelidikan dalam bidang muamalat, ekonomi dan kewangan Islam. Beliau telah dilantik sebagai Ahli

Jawatankuasa Syariah di SME Bank Berhad, Ahli Jawatankuasa Syariah di Perbadanan Nasional Berhad (PNS) dan terlibat sebagai Felo bersekutu di Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB) serta Ahli Kumpulan Ekonomi Islam (EKONIS) di UKM. Emel: shofian@ukm.my

ZAHARUDIN BIN MUHAMMAD berkelulusan Sarjana Muda Syariah dari Universiti al-Azhar dan Ijazah Sarjana Syariah Ekonomi di Universiti Cairo, Mesir. Bidang kepakaran beliau ialah bidang takaful dan perbankan Islam. Beliau merupakan penasihat syariah di Alliance Islamic Bank, HSBC Amanah Takaful dan IIFIN Planners Sdn. Bhd. Beliau telah melibatkan diri selama 6 tahun dalam industri dan produk takaful di peringkat nasional dan antarabangsa. Beliau turut terlibat secara langsung dalam menghasilkan beberapa produk kewangan Islam khususnya takaful seperti kontrak wadiah dan Pelan Bersara (*Retirement Plan*) yang merupakan produk pertama di peringkat antarabangsa. Pada masa yang sama turut menyumbang kepada keberhasilan beberapa produk alternatif kepada kontrak BBA dan *bay' inah* seperti *musharakah thumma al-Bay'*. Beliau pernah memegang jawatan sebagai penyelidik ISRA selama lebih kurang 2 tahun. Emel: zaharudin@gmail.com

ZULFAQAR BIN MAMAT berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Syariah dari Universiti al-Azhar, Damanhur, Mesir (1996) dan Ijazah Sarjana Syariah dari UKM (2002). Berkhidmat sebagai Penolong Pengarah (Fatwa) di Bahagian Perancangan dan Penyelidikan pada (1999-2008) dan berpindah ke Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (2008-2009). Sekarang sedang menyambung Ph.D di Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM. Emel: uqa99@hotmail.com

Kata-kata Aluan

KETUA PENGARAH JAKIM



Industri perbankan dan kewangan Islam telah mempamerkan keupayaannya untuk terus kukuh dan bertahan rentetan krisis kewangan yang melanda dunia. Meskipun berdepan dengan krisis kewangan global, permintaan terhadap produk kewangan Islam di dalam mahupun di luar negara dijangka akan terus meningkat.

Pada tahun ini Bank Negara Malaysia telah meluluskan empat lagi lesen syarikat takaful di samping penyertaan bank dari negara luar iaitu Bank of Abu Dhabi yang akan mula beroperasi di negara ini mulai tahun 2011. Perkembangan ini jelas menggambarkan kecenderungan pihak industri untuk menawarkan produk kewangan Islam bagi memenuhi permintaan dan keperluan pelanggan. Umumnya masyarakat pada hari ini sudah mula sedar tentang kepentingan untuk bermuamalah dengan instrumen kewangan patuh syariah. Dalam berurusan dalam industri perbankan dan kewangan Islam, aspek keberkatan kini semakin diberikan keutamaan. Malah prinsip keadilan dan ketelusan yang menjadi intipati produk kewangan Islam turut menarik perhatian pengguna bukan Islam.

Di negara Barat, khususnya di Britain, terdapat kecenderungan golongan tertentu untuk mula beralih kepada instrumen kewangan yang bebas daripada unsur riba yang sering dikaitkan dengan penindasan serta perjudian yang dianggap sebagai ibu bagi segala penyakit sosial. Hakikatnya produk yang dilabelkan sebagai *ethical product* seperti *social responsibility investment* (SRI) yang menekankan aspek nilai-nilai murni sebenarnya telah lama diperjuangkan dalam sistem kewangan Islam. Malah elemen tersebut merupakan asas atau tunjang yang mendasari sistem perbankan dan kewangan Islam.

Justeru, industri kewangan Islam seharusnya terus mengorak langkah agar lebih dinamis dan berinovatif untuk melahirkan produk-produk yang kompetitif bagi memenuhi keperluan ummah dan tuntutan syariah. Sejajar dengan hasrat untuk mendukung industri kewangan Islam, alhamdulillah, pada tahun ini Jurnal Muamalat, Jakim menampilkan artikel-artikel yang membincangkan isu-

isu semasa berkaitan muamalat sebagai wadah penyebaran dan percambahan ilmu yang bermanfaat untuk segenap lapisan masyarakat. Bagi pihak Jakim, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih atas segala jasa baik, pengorbanan dan komitmen yang ditonjolkan oleh semua pihak dalam menjayakan penerbitan Jurnal Muamalat Bil.3/2010. Mudah-mudahan segala sumbangan yang diberikan beroleh ganjaran pahala yang berkekalan daripada Allah SWT, insya-Allah.

Sekian, terima kasih.

DATO' WAN MOHAMAD BIN DATO' SHEIKH ABD AZIZ

Ketua Pengarah

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Kata Pengantar

KETUA EDITOR



Limpahan kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah SWT kerana Jurnal Muamalat Bil.3/2010 telah berjaya diterbitkan pada tahun ini. Jurnal pada kali ini mengetengahkan pelbagai isu-isu semasa berkaitan muamalat Islam untuk tatapan para pembaca.

Antara topik yang dibincangkan ialah krisis kredit menurut perspektif pengurusan risiko Islam, analisis terhadap konsep dan akad dalam takaful, *qabd* dan hukum penarikan balik hibah, status manfaat simpanan wang di bank, perbandingan tahap kecekapan antara sistem perbankan Islam dan konvensional, hukum bermuamalah dengan sumber yang haram, peranan institusi hisbah dalam mengawal aktiviti ekonomi bagi negara Islam, pelaburan melalui kontrak musharakah dan tajuk-tajuk lain.

Kepelbagai topik yang dibincangkan diharap dapat memberi pendedahan kepada segenap peringkat masyarakat untuk lebih memahami serta menghayati konsep dan prinsip yang terkandung dalam muamalat Islam. Penerbitan jurnal ini juga diharap akan dapat menjana budaya penyelidikan yang berterusan di kalangan para pengkaji dan cendekiawan Muslim. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam usaha menerbitkan Jurnal Muamalat pada tahun 2010. Semoga sumbangan idea dan keringat yang dicurahkan dalam merealisasikannya dikira sebagai amalan yang diterima Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

HAJI RAZALI BIN HAJI SHAHABUDIN

Pengarah

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Takaful: Analisis Terhadap Konsep dan Akad

**AZMAN BIN MOHD NOOR
MOHAMAD SABRI BIN ZAKARIA**

Abstrak

Takaful ialah alternatif kepada insurans konvensional yang haram kerana mengandungi unsur-unsur riba, gharar, dan perjudian. Takaful yang berteraskan *tabarru'* tidak selamat daripada kritikan-kritikan antaranya, ia banyak menyerupai insurans biasa daripada segi penjualan polisi perlindungan, pengurusan dana dan juga sebagai sebuah entiti perniagaan yang bertujuan mengaut keuntungan. Peserta takaful juga bukan sahaja bertujuan untuk menyumbang dan mendapatkan perlindungan, tetapi juga berminat untuk membuat pelaburan. Kertas kerja ini bertujuan mengkaji konsep akad yang digunakan dalam takaful dan kesannya menurut perspektif fiqh.

Abstract

Takaful is an alternative to the conventional insurance which is prohibited because of elements of usury, uncertainty, and gambling. Takaful which is based on tabarru' is not free from criticisms of being a carbon copy of conventional insurances because of general similarities in terms of selling the protection policy, management of the fund as well as being a profit making business entity. The takaful participants at the same time do not mean to get protection alone, but also aim at making investment. This paper aims at investigating the syariah concepts of the contracts used and its effects from fiqh perspective.

Definisi dan pengenalan

Makna takaful dari segi istilah ialah: penyertaan sekumpulan individu dalam satu skim yang membolehkan mereka bekerjasama dalam menanggung sebarang kemudaratan yang berlaku terhadap salah seorang ahli peserta dengan cara membayar pampasan yang munasabah kepada ahli yang ditimpa kemudaratan melalui wang yang disumbangkan oleh peserta-peserta yang dibayar secara ansuran.¹

Takaful sebagaimana yang didefinisikan oleh standard Accounting, Auditing and Governance Standards for Islamic Financial Institution (AAOIFI) melibatkan persepakatan antara sekumpulan individu (peserta) bagi tujuan mendapatkan perlindungan (pampasan) daripada kemudaratan/risiko tertentu dengan memberi sumbangan berdasarkan kaedah *iltizam bi al-tabarru'* (beriltizam untuk melakukan *tabarru'*) sehingga terbentuk dengannya satu tabung (takaful) yang memiliki *shakhsyiyah itibariyyah* (satu entiti khas dari segi undang-undang) yang memiliki hak dan tanggungjawab (kewangan) sendiri dan bersedia membayar tuntutan pampasan kepada peserta yang mengalami kemudaratan.²

Skim ini berasaskan akad *tabarru'* (sumbangan kebajikan) dan *ta'awun* (kerjasama dan tolong-menolong) di mana para peserta memberi sumbangan ke dalam satu tabung khas yang akan digunakan bagi tujuan menolong peserta yang ditimpa musibah.³

Konsep dan matlamat takaful

Takaful mempunyai matlamat yang sama dengan insurans konvensional iaitu menyediakan khidmat untuk para pemegang polisi atau para peserta. Apa yang membezakan antara keduanya ialah konsep yang digunakan bagi mencapai tujuan tersebut. Dalam hal ini, takaful menggunakan konsep kerjasama yang dibenarkan oleh syarak berasaskan kontrak *tabarru'* dan *ta'awun* sebagaimana dinyatakan di atas. Konsep ini bebas daripada sebarang elemen yang bercanggah dengan hukum muamalat Islam seperti gharar, riba, perjudian dan elemen lain. Dana takaful yang dibentuk daripada sumbangan para peserta (pemegang polisi) berasaskan kontrak *tabarru'* akan digunakan bagi menyelamatkan setiap peserta takaful daripada kecelakaan atau musibah yang menimpa. Sebarang kelebihan yang berbaki selepas pembayaran pampasan, perbelanjaan, dan

pemotongan untuk rizab akan dipulangkan kepada para peserta menurut kadar sumbangan masing-masing.⁴

Konsep takaful ini sememangnya merupakan suatu konsep yang diiktiraf oleh Islam. Bahkan praktisnya pernah berlaku di zaman Rasulullah SAW. Al-Bukhari dan Muslim meriwayatkan bahawa *qabilah Asy'ariyyin* apabila mengalami kehabisan bekalan makanan dalam peperangan atau apabila mereka kekurangan bekalan ketika di Madinah, mereka mengumpulkan semua bekalan yang tinggal dalam satu kain, kemudian membahagikannya sama rata sesama mereka. Rasulullah berkata: "Mereka ialah rakan aku dan aku ialah rakan mereka".⁵ Peristiwa ini boleh dijadikan sandaran untuk menyokong penubuhan tabung atau dana takaful bersasaskan konsep tabarru' dan kerjasama (*ta'awun*) di antara para peserta. Penubuhan tabung tersebut tidak harus bermatlamatkan keuntungan semata-mata tetapi hendaklah berasaskan konsep *tabarru'* untuk tujuan tolong-menolong sebagaimana difahami secara jelas daripada hadis tersebut.

Takaful: antara *tabarru'* dan *mu'awadhah*

Apa yang berlaku apabila peserta takaful membuat sumbangan/bayaran kepada syarikat takaful ialah seolah-olah dia membeli polisi perlindungan. Dengan kata lain berlaku pertukaran antara carumannya RM100 sebulan dengan sijil takaful yang menjanjikan perlindungan yang bernilai RM50,000. *Tabarru'* yang dibuat kelihatan sama dengan *mu'awadhah*, sedangkan *mu'awadhah* adalah berlainan konsep dan syaratnya berbanding dengan *tabarru'*.

Untuk menjelaskan permasalahan ini, perlulah kita mengetahui perbezaan di antara *tabarru'* dan *mu'awadhah*.

Kontrak *tabarru'* adalah kontrak yang melibatkan pemindahan hak milik kepada pemilik baru tanpa sebarang bayaran atau pampasan seperti hibah, sumbangan kebajikan, derma, wasiat, dan wakaf. Spesifikasi *tabarru'* adalah seperti berikut:

- a. Asas kontrak *tabarru'* ialah tolak ansur dan memberi maaf. Nilai gantian wajar tidak diperlukan. Secara amnya, ia bermaksud membelanjakan harta tanpa mendapat balasan/ganjaran dunia. Oleh itu, kesamaran yang keterlaluan atau

jahalah tidak mencatatkan kesahihan transaksi yang berlaku kerana ia tidak membawa kepada perbalahan. Fuqaha telah menyebut satu kaedah fiqhiyyah iaitu: 'terdapat perkara yang dibenarkan (dimaafkan) dalam *tabarru'* tetapi tidak dibenarkan (dimaafkan) dalam *mu'awadhah*'.⁶

- b. Seperti yang disepakati oleh majoriti fuqaha, kontrak *tabarru'* akan dikira mengikat hanya selepas berlakunya penyerahan.
- c. Unsur jahalah atau ketidakpastian ialah dibenarkan kerana ia melibatkan pemindahan hak milik tanpa sebarang bayaran gantian.

Kontrak mu'awadhah pula merujuk kepada kontrak yang melibatkan penukaran dua nilai atau pampasan. Spesifikasi *mu'awadhah* adalah seperti berikut:

- a. Syarat umum *mu'awadhah* ialah kedua-dua pihak memperoleh keuntungan dan tiada pihak menanggung kerugian mengikut adat, selagi mana kontrak tersebut dilakukan atas dasar reda dan persetujuan kedua-dua belah pihak.
- b. Transaksi *mu'awadhah* boleh melibatkan keuntungan atau kerugian.
- c. Kontrak hanya boleh dilakukan pada benda yang mempunyai nilai dan wujud semasa pemeteraian kontrak.
- d. Sifat dan perkara yang berkaitan dengan kontrak *mu'awadhah* perlu diketahui bagi memastikan transaksi yang berlaku sah dan terjamin.
- e. Penerimaan pampasan dan pemberian sumbangan tidak boleh digabungkan bersama-sama dalam pelaksanaan kontrak *mu'awadhah* jika sumbangan tersebut sendiri bergantung dan termasuk dalam kontrak. Alasannya adalah kerana kedua-dua *tabarru'* dan *mu'awadhah* mempunyai kesan-kesan kontrak dan syarat-syarat sah yang berbeza.
- f. *Mu'awadhah* boleh melibatkan penukaran antara barang dengan barang, barang dengan wang, atau perkhidmatan dengan wang (*ijarah* atau sewa/upah).⁷

Melihat kepada konsep takaful dan membandingkannya dengan *tabarru'* dan *mu'awadhah*, penulis berpendapat ia lebih menepati konsep *tabarru'*. Professor Dr. Ali Qurrah Daghi berpendapat bahawa takaful atau *taa'min ta'awuni* (insurans kerjasama iaitu istilah yang digunakan oleh beliau) lebih hampir kepada konsep *tabarru'* dan *ta'awun* daripada konsep hibah dengan syarat balasan (الهبة بشرط الثواب).⁸

Pendapat yang menganggap takaful sebagai kontrak *tabarru'* disokong oleh fakta bahawa syarikat takaful tidak memiliki secara mutlak bayaran ansuran yang disumbangkan oleh peserta. Bayaran pampasan yang akan dibayar kepada peserta yang ditimpa musibah tidak boleh dianggap sebagai bayaran timbal balas untuk memiliki bayaran ansuran sumbangan peserta. Pada hakikatnya bayaran ansuran tersebut dihulurkan kepada dana atau tabung takaful yang dikumpulkan untuk kemaslahatan para peserta apabila ditimpa musibah. Jika terdapat lebih daripada tabung tersebut ianya dikembalikan kepada mereka, atau pun dikumpul dan diinfakkan bagi tujuan amal kebajikan.

***Tabarru'* dan *iltizam bi al-tabarru'* (komitmen untuk melakukan *tabarru'*)**

Sama ada takaful itu berasaskan *tabarru'* atau *iltizam bi tabarru'*, ia bukanlah merupakan suatu yang perkara yang membawa kesan besar ke atas takaful. Apa yang penting adalah dengan wujudnya elemen *tabarru'* sehingga dapat dibezakan takaful daripada insurans konvensional yang berasaskan *mu'awadhah*. Pun begitu, terdapat ulama kontemporari yang membezakan antara *tabarru'* dan *iltizam bi al-tabarru'* yang berlaku dalam takaful. Mereka berpendapat bahawa hubungan antara tabung dan penerima pampasan atau manfaat takaful adalah dengan berasaskan *tabarru'*. Manakala, hubungan antara peserta yang memberi sumbangan ke dalam dana takaful adalah dengan berasaskan *iltizam bi al-tabarru'*. Dalam erti kata lain, dana takaful disumbangkan atas dasar *tabarru'* kepada peserta yang ditimpa musibah. Kesemua peserta pula beriltizam atau memberi komitmen berterusan menyumbang *tabarru'* kepada tabung takaful dalam tempoh waktu tertentu. Kalau mereka gagal melaksanakan komitmen untuk memberi sumbangan kepada tabung takaful, penyertaan mereka dalam skim takaful terbatal dan mereka tidak layak mendapat perlindungan takaful.

Persoalannya di sini, kenapa para peserta dimestikan memberi sumbangan sedangkan *tabarru'* sepatutnya berlaku secara sukarela?

Isu ini sebenarnya telah dibicarakan oleh para ulama Islam terdahulu dalam khazanah ilmu peninggalan mereka. Al-Hattab, salah seorang ulama mazhab Maliki yang terkemuka telah menyentuh isu ini dalam kitabnya *Tahrir al-kalam fi masail al-iltizam*. Ia merupakan iltizam tidak bersyarat iaitu seseorang mewajibkan ke atas dirinya sesuatu yang *maruf* (kebajikan) tanpa meletakkan sebarang syarat seperti sedekah, hibah dan wakaf, pinjaman, sumbangan dan syarat-syarat lain. Beliau berkata: “Pembuat *iltizam* diwajibkan menunaikan *iltizam*nya selagi mana dia tidak muflis, meninggal dunia, atau sakit yang membawa kepada mati, sekiranya dia beriltizam menunaikannya terhadap orang yang tertentu. Aku tidak mendapati apa-apa khilaf dalam perkara ini, kecuali ada pendapat yang mengatakan bahawa hibah tidak menjadi lazim dengan hanya kata-kata. Ini adalah khilaf yang masyhur dalam mazhab.”

Kemudian al-Hattab memetik daripada Ibn Rushd: “Dia telah mewajibkan perkara tersebut ke atas dirinya, dan yang masyhur dalam mazhab Maliki perkara itu menjadi wajib ke atasnya selagi mana dia tidak muflis atau mati”.⁹

Dalam takaful, para peserta beriltizam atau berjanji pada diri masing-masing untuk melakukan *tabarru'*. Mereka merupakan *multazim* (pembuat komitmen) yang berjanji untuk menyumbang ke dalam tabung takaful. Berdasarkan kepada apa yang diinsuranskan berserta syarat-syaratnya, bayaran pampasan daripada tabung itu akan diberi kepada *multazam lahu* (penerima komitmen) yang ditimpa musibah tanpa ada pengecualian. Mereka merupakan sekumpulan peserta yang memiliki dana takaful tersebut secara tabungan bersama.

Iltizam ini ialah *iltizam* menanggung bahagian yang dibayar untuk penyertaan. Ia tidak bersyarat dan dikira terlaksana setelah selesai membuat penyertaan ke dalam skim takaful. Lafaz akad atau sighth yang digunakan adalah dengan cara bertulis dan mempunyai kesan hukum yang sama dengan kata-kata.

Tabarru': asas yang membezakan antara takaful dan insurans konvensional

Berdasarkan realiti takaful berasaskan konsep *tabarru'* sebagaimana dinyatakan di atas, maka sebarang gharar yang terdapat padanya dimaafkan. Ini kerana gharar yang tidak dimaafkan ialah yang berlaku dalam akad *mu'awadah*. Fuqaha telah menyebut satu kaedah fiqhiyyah iaitu: 'terdapat perkara yang dibenarkan (dimaafkan) dalam *tabarru'* tetapi tidak dibenarkan (dimaafkan) dalam *mu'awadhah*'.¹⁰

Inilah yang membezakan antara takaful dan insurans konvensional. Dalam takaful yang berkonsepkan kontrak *tabarru'*, gharar yang dikatakan berlaku adalah antara peserta itu sendiri. Mereka ialah satu entiti yang berusaha merealisasikan masalah dan kepentingan bersama. Sedangkan dalam insurans konvensional pula yang berasaskan konsep *mu'awadhah*, gharar yang wujud adalah antara peserta dan syarikat. Kedua-duanya merupakan entiti yang berlainan dan mempunyai masalah kepentingan yang saling bertentangan antara satu sama lain.

Ta'widhat (bayaran pampasan/manfaat takaful) merupakan tabarru'

Pampasan atau manfaat takaful yang dibayar daripada dana takaful kepada peserta yang ditimpa musibah merupakan sumbangan *tabarru'* semata-mata. Ia bukanlah bayaran timbal balik atau balasan yang terdapat dalam akad *mu'awadhah*. Adalah jelas dalam konsep takaful bahawa pihak yang memberi dan menerima sumbangan ialah entiti yang sama. Para peserta yang menyertai tabung takaful saling bertabarru' dan memberi sumbangan antara satu sama lain.

Abd Sattar Abu Ghuddah menjustifikasikan hujah yang cukup bernas dalam hal ini. Beliau berpandangan bahawa bayaran pampasan atau manfaat takaful yang dibuat oleh tabung takaful kepada peserta yang ditimpa kemalangan mesti diklasifikasikan sebagai *tabarru'* semata-mata. Pampasan ini disumbangkan atau ditabarru'kan kepada peserta apabila berlakunya kecelakaan atau musibah. Manakala sumbangan atau caruman peserta ke dalam tabung *tabarru'* adalah dengan berasaskan konsep *iltizam bi al tabarru'*.

Konsep ini tidak boleh dianggap sebagai menyerupai kontrak *mu'awadhah* kerana tidak berlaku pertukaran dua aset secara langsung. Seorang peserta yang menyumbang ke dalam tabung takaful berkemungkinan akan membuat tuntutan pampasan atau berkemungkinan sebaliknya.¹¹ Ini kerana kewujudan bayaran pampasan atau manfaat takaful belum dapat dipastikan kerana ia berkait rapat dengan kewujudan musibah atau risiko yang diinsuranskan. Oleh itu, bayaran pampasan atau manfaat takaful ini bukanlah bayaran balasan atau gantian kepada sumbangan ke dalam tabung takaful tetapi ia merupakan *tabarru'* semata-mata.

Atas sifatnya sebagai *tabarru'* semata-mata, bayaran pampasan ini tidak menjadikan takaful sebagai akad *mu'awadhah* seperti insurans konvensional. Begitu juga perbezaan yang wujud antara nilai bayaran pampasan dan nilai sumbangan penyertaan telah membezakan takaful daripada hibah dengan syarat balasan (الهبة بشرط الثواب). Perlu ditegaskan bahawa dalam hibah, nilai balasan mestilah sama dengan nilai hibah. Ini sekaligus menolak pendapat sebahagian ulama kontemporari yang menganggap takaful ialah hibah dengan syarat balasan seperti yang dinyatakan sebelum ini. Oleh sebab ia bukan hibah bersyarat balasan, maka isu penerimaan manfaat yang tidak semestinya sama dengan kadar caruman bulanan adalah tidak bercanggah dengan syariat.

Lebih tabung takaful yang yang dikembalikan semula kepada peserta-peserta takaful selepas bayaran pampasan, perbelanjaan, komisen, dan pembentukan rizab tidak boleh dianggap suatu perkara terkutuk. Ini kerana menurut jumhur ulama dari mazhab Syafi'i, Hanafi dan Hanbali *qabad*, pemegang penerima *tabarru'* ke atas barang yang diberikan ialah syarat sah *tabarru'* tersebut. Dalam kes takaful *qabad* hanya berlaku apabila bayaran pampasan dibuat dan diterima oleh penama. Perkara ini boleh juga dijustifikasikan atas hujah bahawa sebelum bayaran atas pampasan dibuat, ia adalah *iltizam* daripada peserta untuk *tabarru'* dan *tabarru'* yang sebenar hanya berlaku semasa bayaran pampasan dibuat.

Takaful berasaskan prinsip wakaf

Takaful berdasarkan prinsip wakaf telah digunakan di Pakistan dan juga Afrika Selatan. Berdasarkan konsep ini pewakaf mewakafkan hartanya

dalam bentuk menjadikannya sebagai sumber hasil yang ditetapkan tujuan perbelanjaannya. Ia juga menggunakan prinsip sumbangan terhadap harta wakaf yang tidak dikira sebagai wakaf. Sumbangan terhadap wakaf ini adalah untuk mengganti sumbangan yang dilakukan dengan penyertaan.

Sebarang bantuan yang diperoleh oleh peserta skim yang ditimpa musibah adalah daripada sumber wakaf berdasarkan tujuan wakafnya. Pembayaran ini adalah daripada hasil wakaf dan wang yang disumbangkan ke atas harta wakaf tersebut.

Pembentukan takaful berasaskan wakaf bergantung pada beberapa perkara berkaitan hukum wakaf, secara ringkasnya seperti berikut:

- a. Wakaf wang: Dihukumkan harus seperti yang disepakati oleh majoriti ulama iaitu fuqaha mazhab Hanafi, Maliki, dan sebahagian fuqaha mazhab Hanbali. Ia diwakafkan secara *mudharabah*, dan keuntungan yang terhasil dibelanjakan ke atas orang yang diwakafkan untuk mereka, mengikut syarat-syarat wakaf. Ia juga boleh diwakafkan untuk tujuan memberi hutang.¹²
- b. Pewakaf berhak mengambil manfaat daripada harta yang diwakafkan jika ia ialah wakaf am, atau dia mensyaratkan bahawa dia berhak mengambil manfaat daripadanya bersama-sama orang lain. Ini diujahkan dengan perbuatan Uthman r.a. yang telah mewakafkan Telaga *al-rumah* dan mensyaratkan bahawa baldinya dijadikan baldi seluruh umat Islam.¹³
- c. Sebarang sumbangan yang disumbangkan kepada harta wakaf tidak dianggap sebagai wakaf. Ianya dibelanjakan ke atas orang-orang yang harta itu diwakafkan untuk mereka, serta untuk masalah harta wakaf tersebut.¹⁴
- d. Wakaf mesti dilakukan untuk pihak yang wujud secara berterusan, dan ini disepakati oleh fuqaha.¹⁵

Modus operandi takaful berasaskan prinsip wakaf¹⁶

- a. Syarikat takaful menubuhkan satu tabung wakaf. Sebahagian daripada modal syarikat diwakafkan untuk peserta-peserta yang

ditimpa musibah mengikut peraturan-peraturan penggunaan dana. Ini berkonsepkan wakaf wang yang harus mengikut hukum syarak. Jumlah wang yang diwakafkan ini, dilaburkan berasaskan konsep *mudharabah* di mana keuntungannya dimasukkan ke dalam tabung khas untuk tujuan pelaksanaan matlamat-matlamat wakaf.

- b. Dana takaful tidak dimiliki oleh mana-mana pihak. Dana itu sendiri merupakan satu entiti yang sah di sisi undang-undang yang memungkinkannya memiliki harta dan melakukan pelaburan serta memberi pemilikan kepada orang lain berdasarkan peraturan yang ditetapkan.
- c. Sebarang pihak yang inginkan perlindungan takaful boleh menyertai keanggotaan dana dengan cara melakukan sumbangan mengikut peraturan yang ditetapkan.
- d. Sebarang sumbangan daripada peserta menjadi milik dana wakaf. Sumbangan itu bukanlah harta wakaf, tetapi dianggap hak milik sumber wakaf. Oleh itu, jumlah sumbangan tersebut tidak wajib disimpan sebagaimana wang wakaf. Ia dilaburkan untuk masalah dana, dan dibelanjakan bersama-sama dengan keuntungan untuk pembayaran pampasan dan tujuan-tujuan wakaf yang lain.
- e. Penetapan syarat-syarat berkaitan hak peserta untuk mendapat pampasan dan jumlah bayaran penyertaan (sumbangan) untuk setiap jenis insurans ditentukan oleh peraturan dana. Ia juga boleh ditentukan melalui penilaian aktuari seperti yang diamalkan oleh syarikat-syarikat insurans konvensional.
- f. Sebarang pampasan yang diperoleh oleh para peserta bukanlah bayaran balasan terhadap sumbangan mereka. Pampasan itu merupakan pemberian khas daripada dana wakaf kerana mereka tergolong dalam golongan yang diwakafkan untuk mereka seperti yang dinyatakan dalam syarat-syarat wakaf. Adalah jelas di sudut hukum bahawa pewakaf berhak mengambil manfaat daripada sumber wakaf jika dia termasuk dalam golongan yang diwakafkan untuknya. Pengambilan manfaat wakaf ini bukanlah bayaran ganti kepada wakaf yang dilakukannya.
- g. Dana wakaf mempunyai hak mutlak ke atas harta dalam dana mengikut syarat yang telah ditetapkan dalam peraturan dana. Dana

wakaf mengandung semua harta tersebut yang terdiri daripada keuntungan wang wakaf dan sumbangan yang dibuat oleh peserta bersama keuntungan yang diperoleh daripada pelaburan. Dana berhak menentukan kedudukan lebihan dana yang berlaku iaitu sama ada dikekalkan di dalam dana sebagai rizab untuk defisit yang mungkin berlaku pada tahun-tahun hadapan atau dibahagikan keseluruhan lebihan atau sebahagian daripadanya kepada para peserta. Lebihan itu dibahagikan kepada tiga bahagian: satu bahagian dikekalkan sebagai rizab, satu bahagian dibahagikan kepada para peserta, dan satu bahagian dibelanjakan untuk tujuan kebajikan bagi menzahirkan ciri-ciri dana wakaf.

Model-model takaful

Sekalipun pada asasnya takaful berasaskan kontrak *tabarru'*, tetapi beberapa jenis kontrak lain diaplikasikan untuk menyelaras hubungan antara peserta dan operator takaful. Kontrak yang paling biasa digunakan ialah kontrak *wakalah*, *mudharabah*, atau gabungan kedua-duanya.¹⁷

Majlis Penasihat Syariah Bank Negara¹⁸ telah membuat satu resolusi bahawa kontrak takaful secara umumnya berasaskan prinsip syariah iaitu *tabarru'* dan *ta'awun*, selain daripada perjanjian yang dimeterai pihak yang menyertai kontrak. Dalam mewujudkan produk takaful, prinsip *tabarru'* ialah prinsip yang paling utama, sungguhpun prinsip lain seperti *wakalah* dan *mudharabah* juga dijadikan pelengkap kepada struktur asas tersebut.

Model wakalah

Wakalah ialah melantik atau memberikan amanah kepada seseorang untuk melaksanakan sesuatu tugas, yang mengikut undang-undang boleh diberikan kepada orang lain. Di bawah model ini, hubungan asas wakil digunakan untuk aktiviti penajaan jaminan (*underwriting*) dan pelaburan. Dalam penajaan jaminan, operator takaful bertindak sebagai wakil kepada peserta-peserta untuk mengendalikan dana takaful. Semua risiko ditanggung oleh dana dan lebihan kendalian dimiliki sepenuhnya oleh peserta. Operator takaful tidak terlibat dalam risiko yang ditanggung oleh dana dan tidak berhak ke atas sebarang lebihan

dana. Sebaliknya, operator menerima bayaran tetap yang dipanggil upah wakil kerana menguruskan operasi bagi pihak peserta, yang biasanya berdasarkan peratusan sumbangan yang dibuat. Walaupun begitu, ganjaran kepada operator mungkin melibatkan ganjaran prestasi yang dicaj ke atas lebihan, sebagai insentif kepada pengurusan dana takaful yang efektif. Dana pelaburan takaful juga berasaskan kontrak wakalah bi ajr di mana operator mengenakan bayaran tertentu terhadap peserta untuk perkhidmatan yang ditawarkan.

Model *mudharabah*

Dalam model *mudharabah*, operator takaful bertindak sebagai *mudharib* (usahawan) dan peserta sebagai pemodal. Kontrak ini menjelaskan bagaimana keuntungan pelaburan dan lebihan daripada operasi takaful dibahagikan antara operator takaful dan peserta. Kerugian ditanggung sepenuhnya oleh peserta sebagai pemodal dengan syarat tiada salah laku atau kecuaiian daripada pihak operator. Sekiranya terdapat kecuaiian atau salah laku daripada operator maka dia tidak layak menerima sebarang bayaran atau pampasan atas usahanya.¹⁹

Mengikut prinsip ini, operator takaful akan menerima bayaran ansuran takaful atau sumbangan takaful (modal kepada *mudharabah*) daripada para pelabur atau penyumbang modal ataupun dana daripada peserta-peserta takaful. Kontrak ini menjelaskan bagaimana lebihan tajaan jaminan sepatutnya dibahagikan mengikut nisbah perkongsian keuntungan yang dipersetujui mengikut prinsip *mudharabah*, antara penyumbang modal dan operator takaful. Oleh itu, operasi ini boleh dianggap sebagai usaha perniagaan yang melibatkan perkongsian keuntungan antara operator takaful dan peserta.

Struktur ini bercanggah dengan piawaian AAOIFI berkenaan takaful. Percanggahan wujud dalam pembahagian lebihan dana *tabarru'* kerana lebihan tersebut sebenarnya ialah baki modal dan bukannya keuntungan terkumpul.²⁰ Sesetengah ulama kontemporari yang membenarkan perkongsian lebihan antara pemegang polisi dan operator takaful menganggapnya sebagai *ju'alah* (komisen) untuk kecemerlangan prestasi pengurusan.²¹

Persamaan dan perbezaan antara model wakalah dan mudharabah

Terdapat dua persamaan utama seperti berikut:

- a. *Mudharib* selain dianggap sebagai rakan kongsi juga dianggap sebagai wakil. Oleh itu dalam kedua-dua jenis pelaburan, pemilik dana atau pemodal tidak akan mengurus sendiri perniagaan, tetapi memberikan kuasa mengurus kepada operator takaful sebagai ejen atau usahawan.
- b. Bayaran untuk pengurusan dana dan juga *ju'alah* ditetapkan sejak dari awal. Begitu juga dalam *mudharabah*, nisbah perkongsian keuntungan perlu dipersetujui terlebih dahulu.

Perbezaan antara kedua-dua jenis model ini ialah ketiadaan nisbah perkongsian keuntungan dalam model *wakalah*. Manakala dalam model *mudharabah*, *mudharib* berkongsi untung dengan pemodal dan ia hanya akan mendapat keuntungan jika pelaburan itu menghasilkan keuntungan. Dalam model *wakalah*, pengurus dana atau operator takaful berhak menerima bayaran khidmat pengurusan dana dalam apa jua keadaan sama ada prestasi dana memberangsangkan atau pun tidak. Tetapi dalam model *mudharabah*, *mudharib* iaitu operator takaful tidak berhak mengaut keuntungan daripada pelaburan, kecuali jika terdapat *ju'alah* yang telah ditetapkan terlebih dahulu sebagaimana yang dipersetujui oleh sebahagian ulama.

Model gabungan antara wakalah dan mudharabah

Dalam model ini, kontrak *wakalah* digunakan untuk aktiviti tajaan jaminan, dan kontrak *mudharabah* pula digunakan untuk aktiviti pelaburan dana takaful. Pendekatan ini nampaknya digemari oleh sesetengah organisasi antarabangsa dan digunakan secara meluas oleh industri takaful.

Perkembangan terkini menunjukkan bahawa operator takaful yang telah biasa menggunakan model *mudharabah* telah beralih ke model *wakalah*. Gabungan ini berlaku pada tahap pengurusan dana apabila operator takaful bertindak sebagai ejen kepada peserta untuk mengurus dana, dan pada tahap pelaburan ia bertindak sebagai *mudharib*. Sebagai

mudharib pihak pengurusan berhak berkongsi keuntungan daripada pulangan pelaburan.

Model *wadi'ah*

Ada cadangan menggunakan model *wadi'ah* sebagai konsep asas takaful. Sumbangan premium dianggap sebagai simpanan *wadi'ah* setiap peserta. Cadangan ini kononnya boleh menyelesaikan masalah pembahagian *underwriting surplus* di mana peserta berhak mendapat balik baki simpanan *wadi'ahnya* setelah ditolak keseluruhan tuntutan (*claims*). Cadangan menggunakan model *wadi'ah* ini banyak mendapat kritikan daripada pakar-pakar fiqh muamalat semasa. Antara lain, isu lebih ataupun *surplus* yang diberikan balik kepada peserta/pemegang polisi tidak dilarang oleh badan-badan fiqh antrabangsa seperti AAOIFI. Apa yang dilarang ialah perkongsian pengendali takaful dengan peserta sama ada dikira untung *mudharabah* atau perkongsian lebih. Walaupun begitu ada juga badan penasihat syariah yang membenarkan perkongsian lebih dengan kadar yang berpatutan atas dasar *ju'alah*.

Antara isu syariah yang lain ialah *wadi'ah* yang diberikan ialah *wadia'ah madhmunah* (yang dijamin). Maka ia akan mengambil hukum hutang. Secara tidak langsung ia bercanggah dengan *tabarru'* dan juga dengan konsep pelaburan di mana dalam pelaburan, keuntungan dan modal tidak boleh dijamin. Jaminan keuntungan dan modal menjadikannya sama dengan pinjaman riba. Satu lagi masalah fiqh ialah pengendali takaful mestilah memberi hutang sekiranya tabung *tabarru'* defisit. Ia ialah masalah mensyaratkan manfaat daripada hutang yang dikenali sebagai '*aqridhni uqridhuk*' bermaksud beri hutang kepadaku (dengan syarat) aku akan berikan hutang kepada kamu.

Takaful sebagai satu perniagaan dan pelaburan

Diperhatikan bahawa banyak kajian yang telah dibuat memberi keutamaan kepada konsep dan struktur asal takaful yang tidak mempunyai unsur pelaburan. Mereka melihat takaful dalam kerangka *tabarru'* atau *iltizam bi al tabarru'*, *ta'awun* dan wakaf. Dalam semua keadaan, peserta takaful terikat untuk membuat sumbangan dan tabung

takaful juga terikat untuk menyediakan perlindungan berdasarkan jumlah manfaat takaful. Jika terdapat lebih dana, pemegang polisi atau peserta layak mendapat lebih tersebut. Struktur asal ini bertujuan merealisasikan matlamat sebenar takaful iaitu bekerjasama dan tolong-menolong menghadapi risiko yang berlaku. Tidak ada sebarang tujuan mengaut keuntungan daripada pelaburan dana.

Kini, takaful bukan lagi semata-mata skim kebajikan dan tolong-menolong. Para pengendali takaful berlumba-lumba membuat keuntungan dan mengumumkannya dalam media. Pengurusan industri takaful tidak lagi sama dengan pengurusan wakaf ataupun pengurusan harta anak yatim. Kewujudan kontrak *mu'awadhah* dalam mengambil upah untuk pengurusan dana dan kerja-kerja takaful tidak dapat diketepikan lagi.

Pada masa yang sama, takaful sekarang bukan sahaja terhad kepada menawarkan produk perlindungan, bahkan ia juga menawarkan produk-produk pelaburan. Para peserta takaful berminat untuk membuat pelaburan di samping mendapat manfaat perlindungan. Untuk memperbanyakkan produk terkini, takaful dirangka untuk menyediakan peluang pelaburan bersama dengan manfaat takaful. Produk-produk yang selalunya berasaskan kontrak *mu'awadhah* seperti *mudharabah* dan *wakalah bi ajr* distrukturkan dalam bentuk sebahagian sumbangan peserta dikhususkan kepada pelaburan dan sebahagian yang lain dikhususkan untuk dana *tabarru'*. Penglibatan kontrak *mu'awadhah* ini di dalam takaful telah mewujudkan beberapa isu syariah untuk dibincangkan. Antara isu tersebut ialah:

I. Penggabungan beberapa akad menjadi satu

Dalam satu produk takaful terdapat beberapa konsep syariah atau akad yang digabungkan seperti *kafalah* (jaminan), *tabarru'*, *mudharabah* dan *wakalah*. Persoalannya, adakah penggabungan ini dibenarkan menurut perspektif fiqh? Apakah kontrak *tabarru'* boleh digabungkan dengan kontrak *mu'awadhah* sedangkan keduanya mempunyai konsep yang berbeza?

Berkaitan isu penggabungan kontrak ini, Rasulullah SAW pernah melarang daripada berlakunya dua transaksi dalam satu pembelian

menurut hadits *safqatain fi safqah*:²² Sungguh pun begitu, tegahan ini tidaklah boleh difahami secara mutlak bahawa sebarang penggabungan akad adalah dilarang. Ini kerana ulama mempunyai perbezaan pentafsiran dalam mentafsirkan hadis ini.²³

Nazih Hammid berpendapat bahawa dua kontrak yang berbeza tidak boleh digabungkan jika:

- a. Terdapat dalil yang jelas melarang perkara tersebut.
- b. Ia digunakan sebagai helah untuk melakukan suatu perkara yang ditegah seperti jual beli '*inah*.
- c. Ia mempunyai sifat dan implikasi perundangan yang berbeza seperti gabungan antara jualan dengan pemberian pinjaman (*bay' wa qard*), atau perkongsian dengan jualan (*musyarakah wa bay*) dan sifat-sifat lain.

Sungguhpun begitu, jika kedua kontrak tidak berbeza atau bercanggah antara satu sama lain seperti penggabungan antara jualan dan hibah, atau pajakan dan hadiah, maka ianya dibenarkan.²⁴ Pendapat Nazih Hammid ini menepati pandangan Ibn Taymiyyah yang memberi komentar berkaitan hadis di atas. Ibn Taymiyyah menjelaskan: "Makna hadis secara umumnya melarang digabungkan bersama *mu'awadhah* dan *tabarru'*. Ini kerana *tabarru'* itu telah digunakan untuk tujuan *mu'awadhah*. Ia bukan lagi *tabarru'* semata-mata tetapi telah menjadi sebahagian daripada bayaran pertukaran (*'iwad*). Jika (kedua-dua orang yang berakad itu) bersetuju untuk menganggap bahawa *tabarru'* itu bukan bayaran pertukaran maka sesungguhnya kedua-duanya telah menggabungkan dua perkara yang berlawanan".²⁵

Melihat kepada akad yang digunakan dalam takaful, dapatlah dirumuskan bahawa ia ialah satu bentuk kontrak baru yang melibatkan *tabarru'* antara para peserta takaful dan akad *mu'awadhah* di antara peserta takaful dengan operator takaful yang menguruskan dana *tabarru'* serta tugas yang berkaitan. Sungguhpun nampaknya seperti ada unsur gabungan dua bentuk akad yang berlainan konsep dengan tujuan dalam operasi takaful, tetapi daripada operasi takaful, pemeteraian kontrak *mu'awadhah*

dan *tabarru'* berlaku antara dua peringkat pelaku kontrak yang berlainan iaitu pertamanya antara para peserta sesama mereka yang melibatkan kontrak *tabarru'* dan keduanya antara peserta dan operator takaful yang melibatkan kontrak *mu'awadhah*. Apa yang berlaku dalam takaful juga, bukanlah suatu helah untuk menghalalkan riba seperti *bay' al-'inah* dan riba lain.

Untuk mengelakkan timbulnya sebarang keraguan berkaitan isu penyatuan dua kontrak yang berlawanan, adalah dengan ini dicadangkan supaya terdapat satu Perjanjian Asas Takaful (*Takaful Master Agreement*) yang membezakan kontrak *tabarru'* dan *mu'awadhah* yang terdiri daripada *mudhrabah* atau *wakalah bi al istithmar* secara jelas. Perlu disebutkan di sini bahawa dalam sesetengah borang permohonan takaful, hanya akad *tabarru'* sahaja yang disertakan. Dicapulkan di sini supaya bersama-sama dengan akad *tabarru'* tersebut, disertakan juga akad *mudhrabah* atau *wakalah bi al istithmar* yang ditandatangani secara berasingan. Jika sebahagian besar sumbangan adalah untuk pelaburan sebagaimana yang ditawarkan oleh *investment-linked* takaful, maka *mudharabah* atau *wakalah bi al istithmar* patut menjadi kontrak asas manakala *tabarru'* pula sebagai kontrak tambahan.

II. Hubungan kontrak

Hubungan kontrak antara para peserta, operator takaful dan pengurus tabung dalam kes (*outsourc*e) untuk menjana pendapatan melalui pihak ketiga perlulah dijelaskan kepada peserta. Penjelasan ini turut melibatkan jumlah bayaran yang dikenakan, jumlah bayaran yang diperoleh oleh ejen takaful, jumlah bayaran yang diperoleh oleh operator takaful, dan jumlah caj yang dikenakan oleh pengurus tabung pelaburan ataupun *investment link*. Kesemuanya mestilah dinyatakan secara jelas.

Kebanyakan peserta takaful yang juga merupakan pelabur tidak mengetahui apakah jenis kontrak yang mengikat mereka dengan operator takaful atau pihak ketiga iaitu pengurus tabung *tabarru'*. Kalau dilihat dari sudut hubungan antara peserta takaful dengan operator takaful, kontrak yang mengikat mereka ialah kontrak

mu'Éwālāh bersasaskan *wakalah bi ajr*.²⁶ Operator takaful mengurus dana sebagai wakil yang dilantik oleh para peserta. Memandangkan penyerahan tabung ini kepadanya berasaskan pegangan dengan jaminan (*yad al-amanah*), operator takaful mestilah bertanggungjawab atas sebarang kecuaiian yang berlaku. Para peserta harus mengetahui hal ini supaya dapat dipastikan tidak berlaku sebarang salah laku pihak operator.

III. Upah Yang Dikenakan Mestilah Diketahui

Upah yang timbul daripada *wakalah bi ajr* mestilah diketahui secara jelas. Dalam kes takaful, upah diambil daripada peserta dalam bentuk yuran bagi kedua-dua tabung pelaburan dan tabung *tabarru'*. Tuntutan kejelasan upah dalam wakalah dijustifikasikan dengan syarat yang dituntut berkaitan kuantiti tugas atau kerja yang perlu dilakukan di dalam wakalah. Sebagaimana kuantiti tugas atau kerja mestilah diketahui, maka demikianlah juga bayaran upah yang dikenakan.²⁷

Dalam industri takaful, penyelewengan berkaitan isu upah boleh berlaku apabila para peserta tidak diberitahu dengan jelas tentang komisen dan caj tinggi yang dikenakan oleh operator takaful atas setiap sumbangan. Untuk memasarkan produk mereka, operator takaful melantik ejen-ejen khas yang menerima komisen tinggi yang dibayar terlebih dahulu. Akibatnya, perkara ini boleh membawa kepada kegagalan mendapat pulangan keuntungan kerana tiada nilai tunai yang dikumpulkan pada awal tahun. Pada masa yang sama, para peserta tidak diberitahu tentang caj atau yuran yang dikenakan atas sumbangan yang dibuat. Bahkan, kadang-kadang tiada penyata semasa dihantar kepada pelanggan menyatakan hasil terkumpul atau unit-unit NAU dalam akaun pelaburan. Aplikasi ini jelas bercanggah dengan konsep upah sebagaimana dijelaskan di atas.

Upah dalam model *mudharabah*

Apa yang dinyatakan sebelum ini ialah isu upah atau caj yang dikenakan ke atas pengurusan dana takaful berkonsepkan model wakalah. Dalam

model *mudharabah* isu ini secara umumnya tidak disepakati oleh para fuqaha. Kebanyakan fuqaha tidak membenarkan sebarang upah untuk pengurusan *mudharabah* kerana pengusaha atau *mudharib* telah mendapat bahagian daripada keuntungan yang diperolehi mengikut nisbah perkongsian keuntungan. Jika pengusaha mengambil upah bermakna dia mengambil keuntungan tambahan daripada *mudharabah*. Oleh itu Imam Syafie tidak membenarkan *mudharib* menggunakan modal *mudharabah* untuk tujuan perbelanjaan harian kecuali setelah mendapat persetujuan daripada pemodal.²⁸ Fuqaha mazhab Hanafi serta Imam Malik. Sungguhpun mengharuskan pengambilan wang *mudharabah* ini, mereka menghadkannya pada situasi *mudharib* yang berada dalam perjalanan perniagaan di luar negerinya sendiri, atau untuk perbelanjaan tujuan *mudharabah*nya sahaja.²⁹

Disebut dalam piawaian AAOFI bahawa gabungan antara perkongsian keuntungan dengan caj bayaran oleh *mudharib* adalah bercanggah dengan prinsip *mudharabah*. Caj dibenarkan untuk perkhidmatan lain yang tiada kaitan dengan *mudharabah* dan dipersetujui bersama dalam satu kontrak yang berasingan.³⁰

Kesilapan-kesilapan teknikal yang mungkin berlaku dalam pengendalian takaful

1. Tumpuan diberikan kepada akad *tabarru'* sahaja sebagai konsep asas takaful tanpa dinyatakan sama ada semua sumbangan ialah *tabarru'* penuh seperti takaful berkumpulan dan takaful am ataupun *tabarru'* pelaburan seperti takaful keluarga.
2. Tidak membezakan antara *mu'awadah* dengan *tabarru'*. *Mu'awadah* dalam takaful melibatkan dua akad:
 - a. Upah ke atas pengurusan urusan takaful termasuk menerima premium dan membayar tuntutan pampasan (الوكالة على العمل).
 - b. Upah atas pengurusan pelaburan (الوكالة بالاستثمار) bagi akaun khas peserta dan juga pelaburan dana tabung *tabarru'*. Manakala *tabarru'* dan *ta'awun* pula adalah antara peserta takaful.

3. Tidak disebut kadar upah yang dikenakan oleh pengendali takaful pada kedua-dua keadaan (a) dan (b) di atas. Perlu diingat bahawa ia ialah akad *mu'awadhah* yang mana kewujudan jahalah (ketidaktahuan) harga/caj boleh menjejaskan kesahihannya. Upah atas kerja yang dikenakan oleh pengendali takaful tidak boleh disamakan dengan pengurusan wakaf atau harta anak yatim. Ini kerana pengurusan wakaf dan harta anak yatim bukan bertujuan untuk mengambil untung daripada upah pengurusan, sebaliknya syarikat takaful bertujuan menjana keuntungan daripada upah yang dikenakan. Maka perlulah dijelaskan kepada peserta takaful jumlah atau kadar upah yang dikenakan.
4. Peserta hanyalah dimaklumkan tentang jumlah manfaat yang diperolehi dan jumlah simpanan serta keuntungan pelaburan daripada simpanan akaun khas peserta. Kadang-kadang tidak ditekankan bahawa kadar keuntungan (kebiasaannya 5.5%) hanyalah jangkakan dan bukan yang sebenar.
5. Tidak membezakan antara dua akaun: akaun syarikat dengan akaun *tabarru'* peserta.
6. Tidak dinyatakan dalam sijil takaful bahawa syarikat pengendali takaful bertindak memberi perlindungan/membayar pampasan mewakili tabung *tabarru'* yang pada masa yang sama ia mewakili semua peserta lain untuk beriltizam memberi perlindungan/manfaat tertentu ketika musibah.
7. Tidak membezakan antara lebihan dan keuntungan pelaburan daripada tabung *tabarru'*.
8. Tidak dinyatakan dengan jelas pembahagian lebihan, khasnya bagi model wakalah sama ada dikongsi antara peserta dengan pengendali takaful (tentang nisbah perkongsian) ataupun kepada peserta sahaja ataupun dikembalikan kepada tabung *tabarru'*. Di sini persetujuan peserta sangatlah penting dan ia dianggap sebagai syarat yang dipersetujui.

Kesimpulan dan cadangan

1. Prinsip *tabarru'* ialah konsep asas kepada takaful yang membezakannya daripada insurans konvensional.
2. Untuk bahagian sumbangan *tabarru'* pula, ia boleh dibahagikan kepada *tabarru'* berpatutan (*partial*) ataupun *tabarru'* sepenuhnya, dan ia perlu dinyatakan di dalam kontrak. *Tabarru'* keseluruhan boleh diaplikasikan kepada takaful (umum). Pemegang polisi tidak menjangkakan sebarang pulangan daripada jumlah sumbangan keseluruhan seperti MRTT (Takaful Gadai Janji Berkurangan). Walaupun begitu, dalam sesetengah produk takaful, ia juga boleh dianggap sebagai sumbangan berpatutan (*partial*). Dalam hal ini, peserta layak mendapat pulangan/pembahagian lebih risiko/tabung *tabarru'* selepas pemotongan jumlah bayaran tuntutan, pengimbangan lebih (*reserves*) dan kos-kos pengurusan tabung yang telah ditetapkan.
3. Operator takaful boleh mengenakan yuran yang berpatutan³¹ untuk unit *tabarru'* yang boleh dianggap sebagai usaha bukan komersil (*non commercial venture*). Untuk unit pelaburan operator takaful boleh mengenakan yuran sama ada sebagai broker atau pengurus tabung pelaburan, ataupun berkongsi keuntungan dengan ahli-ahli pelabur.
4. Dalam pengendalian bisnes takaful, sama ada dilaburkan jumlah sumbangan atau dikendalikan tabung *tabarru'*, kontrak yang diguna ialah kontrak *mu'awadhah* di mana operator takaful mengenakan caj atas perkhidmatan yang disediakan bagi mengendalikan tabung pada amnya dan secara khususnya (tabung *tabarru'*) mengikat hukum *ijarah*. Ini juga bertepatan jika operator menjadi *mudharib* yang melaburkan sumbangan peserta-peserta. Oleh itu, tiada tolak ansur untuk elemen kesamaran.
5. Dicadangkan wujud Perjanjian Asas Takaful ataupun Produk Takaful Pelaburan (*investment links takaful*), diikuti dua kontrak berasingan, kontrak pelaburan dan kontrak *tabarru'*. Ia perlu dimasukkan dalam borang permohonan. Operator atau ejennya perlu mengeluarkan penyata prospektus pelaburan kepada orang ramai terutamanya para pelabur.

6. Jika dari awal lagi, produk dicipta untuk tujuan pelaburan, dicadangkan supaya kontrak yang diguna ialah kontrak pelaburan sama ada ianya *wakalah bi al istithmar* atau *mudharabah* mestilah dijadikan kontrak asas, manakala akad *tabarru'* yang tujuannya mendapatkan perlindungan melalui kerjasama *tabarru'* dijadikan kontrak tambahan. Pengasingan kedua-dua kontrak mestilah jelas. Dengan itu, jumlah nilai untuk pelaburan, jumlah untuk *tabarru'* serta caj yuran sebagai upah pengurusan yang dikenakan dapat dinyatakan dengan jelas.

Nota Hujung

1. Abd Sattar Abu Ghuddah, (2008), *Buhuth fi al Mu'amalat wa al-Asalib al-Masrafiyyah al-Islamiyyah*, Dallah al-Barakah, Jld. 9, hlm 276.
2. AAOIFI Standard, Standard no. 26/2.
3. Perlu juga disebutkan di sini bahawa tidak semua para pengkaji bersetuju bahawa kontrak asas takaful berasaskan *tabarru'*. Yusuf al Shubayli berpendapat bahawa kontrak asas takaful bukan *tabarru'* atau *mu'awadhah*, tetapi ia adalah satu kontrak baru iaitu kontrak *ta'awun* (bekerjasama dan tolong menolong). Penulis berpendapat tidak ada sebarang hujah yang kuat untuk membezakan antara *tabarru'* dan *ta'awun*. Secara realitinya, asas kontrak dalam takaful ialah *tabarru'* yang diaplikasikan untuk mencapai tujuan *ta'awun*. Yusuf al Shubayli, "Muqaranah Bayna Nizam al Waqf Wa al Taa'min al Takafuli", International Conference on Cooperative Insurance in the Framework of Wakf, 4-6 Mac 2008, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kuala Lumpur, hlm 7-8.
4. Abd Sattar Abu Ghuddah, *Buhuth fi al Muamalat..* Jld. 9, hlm 277.
5. *Al-Lu'lu' wa al Marjan*, hadis no. 1626. Amalan ini juga dikenali sebagai al nihd (النهدي) atau *al-munahadah* (المناهدة). Ulama bersependapat bahawa penukaran nilai atau pampasan dalam al-nihd walaupun tidak sama rata, ia tidak menjadi riba, kerana ia bukan kontrak *mu'awadhah*, tetapi kontrak *tabarru'* yang bersifat unilateral. Ibnu Hajar al 'Asqalani menjelaskan: "Dilihat bahawa amalan ini pada mulanya seperti hanya dibenarkan semasa musafir, tetapi semua ulama kemudiannya bersepakat bahawa melaksanakan transaksi yang bersifat kerjasama seperti ini dibenarkan walaupun bukan pada keadaan musafir, sepertimana yang dilakukan oleh Al Asya'ariyyin. Ibnu Hajar, Fath al Bari, jld.5, hlm129.
6. Abd al Sattar Abu Ghuddah, (2002), *Buhuth fi al Muamalat wa al Asalib al Masrafiyyah al Islamiyyah*, Dallah al Barakah Group, jld.2, hlm343-344.
7. Abd al-Sattar Abu Ghuddah, *ibid.*, jld. 2, hlm340-341.
8. Terdapat sebahagian ulama kontemporari yang menganggap bahawa takaful berasaskan konsep hibah dengan syarat balasan. Pendapat ini tertolak kerana hibah dengan syarat balasan berlainan daripada takaful. Dalam hibah, kadang-kadang tiada langsung unsur kerjasama dan tolong-menolong, sedangkan ia ialah asas takaful. Bahkan matlamat sebenar

hibah dengan syarat balasan adalah untuk mendapatkan balasan, yang menyebabkannya hampir sama dengan jual beli. Para fuqaha berselisih pendapat pada masalah hibah dengan syarat balasan. Imam Abu Hanifah dan Malik mengharuskannya kerana ia bukan merupakan *bai' majhul* (jual-beli barang yang tidak diketahui harganya) di mana Imam Malik menjadikan adat yang berlaku sebagai syarat yang mengesahkan bentuk muamalah ini. Maksudnya balasan kepada hibah secara adatnya mestilah setimpal dengan nilai hibah. Imam al-Syafie, Abu Dawud, dan Abu Thaur melarangnya kerana ia ialah *bai' majhul*. *Bidayat Al Mujtahid* jld.2, hlm537.

9. Tahrir al-Kalam fi Masail al-Iltizam, dipetik daripada *Fath al-'Ali al-Malik*, jld.1, hlm 217-219.
10. Abd al Sattar Abu Ghuddah, (2002), *Buhuth fi al Muamalat wa al Asalib al Masrafiyyah al Islamiyyah*, Dallah al Barakah Group, jld.2, hlm 343-344.
11. Abd al-Sattar Abu Ghuddah, *Nizam al-Ta'amin al Takafuli Min Khilal al Waqf*, International Conference on Cooperative Insurance in the Framework of Wakf, 4-6 Mac 2008, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kuala Lumpur, hlm 7.
12. *Fath al-Qadir*, jld.6, hlm19, *Mawahib al-Jalil*, jld.6, hlm21, al-Insaf li al-Mawardi jld.7, hlm11, sahih al-bukhari, kitab al wasaya, bab 31, dan lihat: kajian oleh Syeikh Muhammad Taqi al Uthmani yang dihantar untuk Nadwah al Barakah ke-26.
13. Diriwayatkan oleh al-Tarmizi dan al-Nasa'i, *al-Fatawa al-Hindiyyah*, jld.2, hlm 398, al-Mughni li-Ibni Qudamah jld.6, jld.193, dinukilkan daripada Abd al-Sattar Abu Ghuddah, 2008, *Buhuth fi al-Muamalat wa al-asalib al-Masrafiyyah al-Islamiyyah*, jld.9, Dallah al-Barakah Group, hlm 285-289.
14. *Al-Fatawa al-Hindiyyah*, jld. 2, hlm460, al-Khaniyyah, jld.3, hlm 291 dinukilkan daripada Abd al-Sattar Abu Ghuddah, (2008), *Buhuth fi al-Muamalat wa al-asalib al-Masrafiyyah al-Islamiyyah*, Jld.9, Dallah al-Barakah Group, hlm 285-289.
15. Ibn Qudamah, al-Mughni, jld.6, hlm214.
16. Abd al-Sattar Abu Ghuddah, (2008), jld. 9, hlm 287.
17. Accounting, Auditing and Governance Standards for Islamic Financial Institution, 1424-5H/2003-4, Manama, Bahrain, Jun 2003, Financial Accounting Standards for Investment Fund, hlm 422.

18. <http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=8&pg=14&ac=1511&prinr=1>. 25 April 2009.
19. Issues in Regulation and Supervision of Takaful, Islamic Financial Services Board (IFSB), dan International Association of Insurance Supervisors (IAIS), Ogos 2006, klausa 9.
20. AAOIFI menetapkan bahawa syarikat pengendali takaful tidak berhak berkongsi lebih dana. Lebih dana *tabarru'* hanya boleh dibahagikan kepada peserta takaful, ataupun dikekalkan di dalam dana untuk menguatkannya ataupun dibahagikan kepada mana-mana tujuan kebajikan. Sila rujuk AAOIFI Standard, Piawaian Takaful, piawai 26/5/5.
21. Temuramah penulis dengan Abd al Sattar Abu Ghuddah, di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 6 Mac 2008.
22. Al-Tirmizi telah meriwayatkan hadis ini secara marfu' dari Abu Hurairah. Lafaz hadis ini ialah:

(عن أبي هريرة نهى رسول الله صلى الله عليه وسلم عن بيعتين في بيعة)

Maksudnya: "Rasulullah SAW melarang pelaksanaan dua transaksi dalam satu jual beli". Ibn Hajar al Haithami, *Majma' al Zawai'd*, jld.4, hlm84-86.
23. Tafsiran yang masyhur ialah memeterai satu kontrak yang mengandungi dua kaedah bayaran iaitu bayaran tertunda dengan harga yang lebih tinggi dan bayaran tunai dengan harga yang lebih rendah. Kontrak itu dimeterai tanpa diputuskan terlebih dahulu kaedah bayaran yang dipilih. Terdapat di kalangan ulama kontemporari yang membuat kesimpulan bahawa tegahan dalam kontrak seumpama ini kerana kaitannya dengan riba dan kesamaran atau jahalah. Ali Muhyiddin Qurrah Daghi, Kajian Semula Fatwa Yang Dikeluarkan, Sempena Simposium Al Baraka Banking Group, Simposium ke-29 Dallah Al Baraka tentang Ekonomi Islam, 6-7 September 2008, hlm. 216-217.
24. Nazih Hammad, (2001), *Qadaya Fiqhiyyah Mu'asarah Fi al-Mal wa al-Iqtisad*, Dimasq, Dar al Qalam, hlm 262.
25. Ibid.
26. Kontrak wakalah pada asalnya tidak mengikat pihak-pihak yang berakad. Tetapi kerana ia mengandungi unsur upah, wakalah ini telah mempunyai kekuatan mengikat pihak-pihak yang berakad. Hukumnya adalah harus. Al Nawawi, *Raudat al-Talibin*, jld.4, hlm332, Ali Muhyiddin Qurrah Daghi, *ibid.*, hlm223-224.

27. Ibid., hlm 223-224.
28. Al-Syiraazi, *al-Muhazzab*, jld.1, hlm386.
29. Al-Sarakhsi, *al-Mabsut*, jld.22, hlm63.
30. AAOFI standard no. 8, hlm2.
31. Ali Muhyiddin Qurrah Daghi, *al-Ta'amin al-Islami*, hlm330-331.

Rujukan

- Abd al-Sattar Abu Ghuddah. (2002). *Buhuth fi al-mu'amalat wa al-asalib al-masrafiyyah al-Islamiyyah*, Dallah al-Barakah Group, jld.2.
- _____. (2005). *Al-Ta'amin al-Islami Dirasat Fiqhiyyah Ta'siliyyah*, Lubnan: Dar al-Basha'ir,
- _____. 2008. *Buhuth fi al-mu'amalat wa al-asalib al-masrafiyyah al-Islamiyyah*, Dallah al-Barakah Group, jld.9.
- _____. "Nizam al-ta'amin al-takafuli min khilal al-waqf", International Conference on Co-operative Insurance in the Framework of Wakf", 4th-6th March 2008, International Islamic University Malaysia, Kuala Lumpur.
- Abdullah bin Muhamad bin Ahmad Tayyar, *al-Bunuk al-Islamiyyah baina al-nazariah wa tatbiqat*.
- Accounting, Auditing and Governance Standards for Islamic Financial Institutions, 1424-5H/2003-4, Manama, Bahrain, Jun 2003, Financial Accounting Standards for Investment Fund.
- Accounting, Auditing and Governance Standards for Islamic Financial Institutions (2003-2007), Manama, Bahrain, Financial Accounting Standards for Investment Fund.
- Ali Muhyiddin Qurrah Daghi, Review of Fatwas Issued During Al-Baraka Banking Group Symposium, Dallah al-Baraka 29th symposium on Islamic Economics, 6-7 September 2008.
- Al-Nadawi, Ali Ahmad, *Jamharatul al-qawaid al-fiqhiah fi al-muamalat al-maliyah*.
- Al-Nawawi, Muhyi al-Din ibn Sharaf,(1992), (d. 76 AH/1277 CE). *Raudat al-talibin*, Beirut: Dar al-kutub al-ilmiyyah.

- Al-Sarakhsi, Shams al-Din Muhammad ibn Ahmad (d. 483 AH/1090 CE) *al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Ma'rifah, 1406 AH.
- Al-Shirazi, Abu Ishak Ibrahim ibn Ali ibn Yusuf, (1996) (d. 475 AH/1083 CE), *al-Muhazzab* Ed. Muhammad al-Zuhayli. Beirut: al-Dar al-Shamiyya.
- Al-Tirmidhi, Abu Isa, *al-Sunan*, with *Tuhfat al-ahwazi* Muhammad Abd al-Rahman al-Mubarakfuri, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, no. date.
- Engku Rabiah Adawiah Engku Ali and P.Odierno, Hassan Scott, (2008) "Essential Guide to Takaful" Kuala Lumpur: Centre for Research and Training.
- Ibn Abidin, Muhammad Amin ibn Umar (d. 1197 AH/1783 CE). *Hashiat radd al-muhtar*. Beirut: Dar al-Fikr, 1387 AH.
- Ibn Hajr, Ahmad ibn Ali al-Asqalani, (1405H), (d. 852 AH/1448 CE), *Fath al-Bari*, Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Qudamah, Muwaffaq al-Din Abu Muhammad Abdullah ibn Ahmad ibn Muhammad al-Maqdisi, (1405H), (d. 620 AH/1223 CE) *al-Mughni*, Beirut: Dar al-Fikr.
- Issues in Regulation and Supervision of Takaful, Islamic Financial Services Board (IFSB) and International Association of Insurance Supervisors (IAIS), August 2006.
- Nazih Hamad. (2001). *Qadaya fiqhyyah mu'asarah fi al-mal wa al-iqtisad*, Damascus, Dar al-Qalam.
- Sa'du al-Jurf. (2009). *Taqwim anzimah wa watha'ik al-tamin al-ta'awuni*, Multaqa al-Ta'min, Riyadh.
- Sheikh al-Islam Ibn Taymiyyah Ahmad ibn Abd al-Halim. (1991). *Majmu' al-Fatawa*. Ed. Abd al-Rahman ibn Muhammad ibn Qasim al-Najdi. Riyadh: Dar Alam al-Kutub.
- Yusuf al-Shubayli. "Muqaranah bayn nizam al-waqf wa al-tamin al-takafuli" International Conference on Co-operative Insurance in the Framework of Wakf", 4th-6th March 2008, International Islamic University Malaysia, Kuala Lumpur.
- <http://www.ambg.com.my/personal/depositinvestments/fdinvestments/amhightakafulinvestmentlinkedp>.
- http://www.alislami.ae/en/personalbanking_takafulprogramme.htm, and <http://www.takaful-ikhlas.com.my/familyTakaful/basis> Premier investment linked asp. Accessed 20/04.09

<http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=8&pg=14&ac=1511&print=1>.
accessed on 25th April 2009

<http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=8&pg=14&ac=1511&print=1>.
Accessed on 25th April 2009.

http://www.takafulmalaysia.com/V5/index.php?option=com_content&task=view&cid=24&Itemid=161.

Analisis Terhadap Manfaat Simpanan Wang di Bank

SHOFIAN AHMAD & HAYATULLAH LALUDDIN

Abstrak

Dalam usaha pihak bank menarik sejumlah besar simpanan daripada para penyimpan ke dalamnya, ia telah menawarkan pelbagai faedah dan manfaat yang boleh dinikmati oleh para penyimpan berasaskan simpanan mereka. Bentuk-bentuk manfaat tersebut boleh dibahagikan kepada dua iaitu: manfaat secara langsung dan manfaat secara tidak langsung. Contoh manfaat langsung seperti pemberian dividen kepada penyimpan. Manakala contoh manfaat yang tidak langsung seperti kemudahan-kemudahan tertentu yang diterima oleh penyimpan berpunca daripada simpanan mereka. Contohnya tawaran perlindungan insuran percuma bagi penyimpan, kemudahan diskaun dalam pembelian menggunakan kad-kad debit, hadiah-hadiah tahunan, cabutan bertuah dan sebagainya yang berasaskan kepada simpanan mereka di dalam bank. Kajian ini akan memfokuskan terhadap status hukum bagi manfaat secara tidak langsung yang ditawarkan oleh pihak bank kepada penyimpan. Metod kajian ini berbentuk kajian kepustakaan. Kerangka teori kajian ini bertitik tolak di atas status hukum dan bentuk simpanan wang di bank-bank Islam. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat pelbagai bentuk manfaat yang diterima oleh para penyimpan di bank-bank Islam sama ada berbentuk langsung dan tidak langsung. Kesemua manfaat tersebut adalah diterima berasaskan simpanan mereka di bank-bank tersebut.

Abstract

The banks, in their attempts to attract more customers, offer various forms of benefits and facilities that the customers can enjoy when depositing funds in the banks. These benefit and facilities can take two forms: direct and indirect. Direct benefits are represented by provision of dividend to depositors whereas; the indirect benefits are represented by offering of insurance, sale on discount rate when using the debit card, annual gift and lucky draw. The customers are entitled to such facilities and benefit based on their savings in the bank. This research focusses mainly on the issue of indirect benefits and their status from Shariah perspective. Library research method is used in this research due to the nature of its subject. The hypothesis of the research revolves around the status of the indirect benefits offered by the bank from Shariah perspective and the distinctive feature of such benefits offered by Islamic banking. The finding of the research shows that the benefits, direct or indirect, received by customers in Islamic banking have various features. All these benefits are received through depositing funds in the bank.

Pendahuluan

Bentuk asal akad simpanan (*wadi'ah*) ialah amanah. Amanah secara umumnya bermaksud aman, selamat, dan jujur. Maksud ini terdapat dalam akad simpanan di mana pihak penyimpan dan penerima simpanan saling mempercayai antara satu sama lain. Walau bagaimanapun konsep amanah dalam akad simpanan ini lebih banyak tertumpu kepada penerima simpanan. Penerima simpanan dikatakan telah menerima amanah dan kepercayaan daripada penyimpan dengan akad tersebut. Beliau perlu menghargai kepercayaan tersebut dengan menjaga dan menyimpan barang simpanan secara sepatutnya. Bahkan berdasarkan konsep amanah juga, penerima simpanan tidak mengharapkan sebarang balasan atau manfaat daripada simpanan tersebut. Justeru beliau tidak boleh menggunakan barang simpanan tersebut kerana ia dianggap melanggar amanah dan kepercayaan tersebut.¹ Beliau juga tidak dipertanggungkan

dengan apa-apa risiko yang berlaku atas barang simpanan kecuali jika ia berlaku dengan sebab kecuaiian atau perbuatan tidak amanah oleh penerima simpanan terhadap harta simpanan. Oleh yang demikian para fuqaha menamakan akad simpanan sebagai akad amanah.

Namun pada masa ini konsep amanah dalam simpanan telah diubahsuai oleh pengendali-pengendali perbankan bagi menyesuaikan dengan keperluan mereka terhadap kecairan dan aset lain menerusi simpanan yang dilakukan oleh para penyimpan. Oleh itu konsep amanah dalam akad simpanan telah ditukar kepada konsep jaminan (*dhaman*). Dengan konsep baru ini, ia telah mengubah beberapa status hukum berkaitan akad simpanan. Antaranya membenarkan pihak bank menggunakan simpanan tersebut dan menjadikan segala risiko ke atas barang simpanan dipindahkan kepada pihak bank.

Berdasarkan konsep jaminan dalam simpanan seperti ini, maka pihak bank telah memperkenalkan pelbagai jenis akaun. Untuk lebih menarik minat para penyimpannya, maka pihak bank telah menawarkan pelbagai keistimewaan serta manfaat tertentu kepada mereka. Pengenalan konsep jaminan ini bukanlah mengubah hukum simpanan, tetapi hanyalah mengubah konsep asalnya sahaja iaitu konsep amanah. Konsep jaminan terhadap simpanan di bank-bank lebih memberi kebaikan dan maslahat kepada pihak penyimpan dan pihak bank. Bagi pihak penyimpan, mereka tidak perlu risau dengan risiko terhadap simpanan mereka seperti kehilangan, kerugian, kemusnahan dan sebagainya kerana risiko-risiko tersebut telah pun dipindahkan kepada pihak bank. Manakala bagi pihak bank pula ia boleh menggunakan simpanan yang terkumpul di dalamnya untuk tujuan perniagaan dan pembiayaan.

Definisi manfaat

Manfaat pada bahasa bermaksud berguna, berfaedah atau yang memberi kebaikan.² Berdasarkan pengertian yang ditunjukkan oleh bahasa ini, manfaat tidak memperlihatkan apa-apa keburukan atau unsur negatif daripada maksud manfaat.

Menurut istilah pula, para fuqaha mendefinisikan manfaat sebagai 'lebih' yang diterima oleh sesuatu benda. Bentuk lebihan tersebut boleh dibahagikan kepada dua, iaitu:

- a. Lebihan yang sama seperti benda tersebut. Lebihan jenis ini dikenali dengan lebihan benda (*'ain*). Contohnya RM1 menjadi RM2, segantang beras menjadi dua gantang beras.
- b. Lebihan yang tidak sama seperti benda tersebut. Lebihan jenis ini dikenali sebagai manfaat yang terhasil daripada benda (*thamarat al-a'yan*). Contohnya susu ialah manfaat yang terhasil daripada haiwan dan buah ialah manfaat yang terhasil daripada pokok.³

Berdasarkan definisi istilah, manfaat bukanlah mutlak menunjukkan suatu yang buruk dan terlarang atau ia bukanlah sinonim dengan riba yang diharamkan. Manfaat ada yang diharuskan, contohnya manfaat atau lebihan wang yang dihasilkan melalui pelaburan yang dikenali sebagai keuntungan atau manfaat buah-buahan yang dihasilkan daripada pokok yang dikenali sebagai *ghallah*.⁴

Sebaliknya manfaat atau lebihan tersebut hanya akan menjadi haram apabila dikaitkan dengan aktiviti riba. Riba juga didefinisikan oleh fuqaha sebagai lebihan sama ada lebihan dalam pertukaran (*riba al-buyu*) atau lebihan dalam bayaran balik hutang (*riba al-qurud*). Contoh lebihan dalam riba pertukaran seperti menukar satu gantang beras dengan dua gantang beras yang dikenali sebagai *riba al-fadhl*.⁵ Manakala contoh lebihan dalam riba hutang seperti lebihan daripada jumlah asal berhutang yang perlu dibayar balik oleh penghutang sepertimana kebiasaan berlaku dalam aktiviti hutang secara riba. Oleh yang demikian lebihan dalam riba juga adalah suatu bentuk manfaat. Tetapi ia diharamkan oleh syarak kerana manfaat tersebut bersifat tidak seimbang dan adil sepertimana manfaat atau keuntungan yang terhasil dari perdagangan yang dibenarkan. Firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarah ayat 275.

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّهِ فَانْتَهَى فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

Terjemahan:

Orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: "Bahawa sesungguhnya berniaga itu sama sahaja seperti riba". Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba. Oleh itu sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhannya lalu ia berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) menjadi haknya, dan perkaranya terserahlah kepada Allah. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.

(Surah al-Baqarah, 2:275)

Simpanan wang di bank dan manfaatnya

Secara asasnya terdapat tiga jenis akaun yang ditawarkan oleh pihak bank untuk para pelanggannya menyimpan wang. Akaun-akaun tersebut ialah akaun simpanan, akaun semasa dan akaun tetap. Ketiga-tiga jenis akaun ini dapat diringkaskan kepada dua tujuan asas sahaja, iaitu:

- a. untuk tujuan simpanan seperti akaun simpanan dan akaun semasa, dan
- b. untuk tujuan pelaburan seperti akaun tetap.

Setiap jenis akaun tersebut memberi keistimewaan dan manfaat tertentu kepada penyimpannya. Walau bagaimanapun manfaat daripada akaun tetap yang lebih bertujuan pelaburan tidak menimbulkan perselisihan pendapat di kalangan fuqaha, kerana aktiviti pelaburan ialah sejenis perkongsian dalam keuntungan dan kerugian. Justeru manfaat daripada pelaburan diharuskan oleh syarak kerana ia ialah keuntungan bukannya riba. Apa yang menimbulkan perselisihan di kalangan mereka adalah tentang manfaat simpanan dalam akaun simpanan dan akaun semasa yang lebih bertujuan simpanan. Punca perselisihan mereka adalah

pada status hukum bagi simpanan dalam kedua-dua akaun tersebut, adakah dikira sebagai simpanan (*wadi'ah*) atau hutang (*qardh*)?

Sebelum menjawab permasalahan tersebut, terlebih dahulu elok dilihat bentuk-bentuk dan gambaran bagi manfaat dan faedah yang diterima oleh para penyimpan daripada pihak bank berasaskan simpanan tersebut. Secara umumnya ia boleh dibagikan kepada dua bentuk, iaitu:

- a. Manfaat berbentuk pemberian dividen secara langsung kepada penyimpan atas dasar *hibah*.
- b. Manfaat berbentuk secara tidak langsung seperti pemberian kemudahan-kemudahan tertentu yang dinikmati oleh penyimpan daripada simpanan mereka.

Bentuk yang pertama hanya terhad pada pemberian dividen iaitu lebihan yang sama dengan benda yang disimpan (*wang*). Ia dikenali oleh fuqaha sebagai lebihan barang seperti yang telah dijelaskan dalam definisi manfaat. Sebaliknya bentuk manfaat yang kedua mula mendapat perhatian daripada pengendali perbankan kerana ia dapat diberikan dalam pelbagai bentuk kepada para penyimpan dalam usaha menarik minat mereka untuk menyimpan di bank. Ia dikenali oleh fuqaha sebagai *thamarat al-'ayn* iaitu lebihan yang terhasil daripada benda dalam sesuatu aktiviti, sama ada aktiviti yang:

- a. tujuan asalnya adalah untuk menyimpan seperti akaun simpanan dan akaun semasa, atau
- b. tujuan asal bukanlah untuk menyimpan, tetapi memperoleh kemudahan yang disediakan oleh simpanan tersebut seperti akaun debit yang dibekalkan bersama-samanya kad debit yang boleh digunakan di premis-premis yang menyediakan kemudahan tersebut.

Berikut disenaraikan beberapa contoh bentuk manfaat tersebut yang terdapat dalam perbankan Islam di Malaysia:

- a. Manfaat daripada akaun-akaun simpanan.

Dalam sistem ekonomi pasaran bebas, pihak bank sentiasa bersaing untuk menarik jumlah pelanggan dan simpanan mereka ke

dalamnya. Untuk itu mereka akan menawarkan beberapa bentuk manfaat dan hadiah kepada para penyimpan sama ada yang berbentuk dividen secara langsung atau manfaat-manfaat lain yang tidak langsung (*thamarat al-a'yan*). Antara bentuk manfaat dan hadiah yang tidak langsung adalah seperti:

- i. Pemberian berupa manfaat barangan seperti tabung simpanan, payung, t-shirt dan sebagainya. Pemberian berupa manfaat barangan sebegini banyak dilakukan oleh bank sebagai galakan secara mudah untuk menarik penyimpan supaya menyimpan lebih pendapatan mereka di bank-bank berkenaan.
 - ii. Hadiah berupa mata ganjaran yang boleh ditukar kepada barangan, sebagai contoh, dalam Akaun Simpanan-i Pewani yang ditawarkan oleh Bank Islam Malaysia Berhad, bank akan memberikan 10 mata ganjaran kepada pemilik akaun tersebut yang mengekalkan purata baki simpanannya dalam setiap bulan melebihi RM1000.
 - iii. Hadiah berupa perlindungan takaful. Sesetengah bank seperti Bank Islam Malaysia Berhad menghadiahkan perlindungan takaful keluarga secara percuma kepada penyimpan dalam Akaun Simpanan-i Wadi, Akaun Simpanan-i Ijraa dan Akaun Simpanan-i Pewani. Dalam akaun Simpanan-i Pewani sebagai contohnya, pihak bank menawarkan perlindungan Takaful Hawa berjumlah RM25,000 secara percuma dengan syarat purata baki simpanan mereka setiap bulan hendaklah berjumlah RM50,000 dan ke atas.
 - iv. Hadiah dalam bentuk keistimewaan tertentu yang boleh dinikmati oleh penyimpan seperti kelayakan menyertai peraduan dengan sebab membuka akaun simpanan tersebut di bank atau dapat menikmati kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh bank kepada mereka sebagai ahli kelab simpanan.
- b. Manfaat daripada kad-kad debit.

Kad debit juga mengguna akad *wadi'ah* kerana ia mensyaratkan pemegangnya menyimpan sejumlah wangnya di dalam akaun

debit di bank bagi membolehkannya melakukan transaksi di premis-premis yang menawarkan kemudahan tersebut tanpa perlu membawa wang tunai.

Penawaran kad-kad debit seperti ini oleh sesetengah bank pada masa kini disertakan dengan pelbagai kemudahan, faedah dan manfaat kepada pemegangnya. Antara manfaat yang biasa diterima oleh pemegangnya ialah rebat harga dari pembelian tertentu menggunakan kad-kad debit tersebut serta mendapat perlindungan insurans secara percuma. Ini seperti yang dilakukan oleh Maybank Berhad melalui kad debitnya yang memberikan satu mata ganjaran bagi setiap jumlah RM3 yang dibelanjakan oleh pemegang menggunakan kad tersebut. Mata ganjaran tersebut boleh dikumpul oleh pelanggan dan menukarkannya dengan produk atau perkhidmatan tertentu yang ditawarkan oleh pengeluar. Bagaimanapun kad ini turut mengenakan sedikit caj kepada pemegangnya apabila mereka membuat pengeluaran tunai dengan menggunakan kad debit tersebut dengan syarat-syarat tertentu.⁶ Manakala sesetengah bank lain pula seperti Bank Simpanan Nasional dan Affin Bank Berhad, menawarkan rebat tunai sebanyak 0.5% daripada harga barangan yang dibeli menggunakan kad debit mereka. Rebat ini bagaimanapun akan dikumpul terlebih dahulu selama 12 bulan dan akan dikreditkan kemudiannya ke dalam akaun pemiliknya.

Contoh-contoh hadiah dan manfaat yang disediakan oleh pihak bank kepada penyimpannya seperti yang telah disentuh di atas, merupakan perkara lumrah yang dilakukan oleh institusi perbankan termasuk perbankan Islam. Secara umumnya ia menggambarkan satu bentuk manfaat tidak langsung yang diterima oleh para penyimpan apabila mereka membuka akaun-akaun simpanan di bank berkenaan. Ia bukanlah diberikan secara percuma oleh bank kepada sesiapa sahaja tanpa mensyaratkan kepada mereka terlebih dahulu membuka akaun simpanan di bank berkenaan. Sebaliknya manfaat tersebut hanya akan diterima setelah mereka membuka akaun-akaun tersebut yang ditawarkan.

c. Hukum Manfaat Simpanan Wang Di Bank

Para fuqaha berselisih pendapat tentang hukum manfaat yang diterima oleh penyimpan di bank-bank seperti yang telah dijelaskan dalam contoh di atas. Punca perselisihan adalah berkaitan dengan perselisihan status simpanan wang di bank. Secara umumnya terdapat tiga pendapat fuqaha tentang status simpanan di bank, seperti berikut:

Pendapat pertama: status simpanan wang di bank ialah *qardh* menurut Islam.

Pendapat kedua: status simpanan wang di bank ialah *wadi'ah* menurut Islam.

Pendapat ketiga: status simpanan wang di bank ialah *wadi'ah* dengan *ujrah*.

Berikut akan dibincangkan alasan-alasan yang diberikan oleh setiap pendapat tersebut.

i. Alasan pendapat pertama

Seperti yang telah dijelaskan bahawa golongan ini berpendapat status simpanan wang yang terdapat di bank-bank pada masa kini adalah sebagai *qardh*. Menurut Mawlawi (1990), secara kaedahnya apabila sesuatu simpanan (*wadi'ah*) dibenarkan untuk digunakan maka ia akan bertukar menjadi pinjaman (*ariyah*) jika simpanan tersebut berbentuk benda dan akan menjadi hutang (*qardh*) jika ia berbentuk wang. Oleh itu, simpanan wang di bank yang dibenarkan pihak bank menggunakannya tidak dinamakan lagi sebagai simpanan (*wadi'ah*) sebaliknya dinamakan sebagai hutang (*qardh*).⁷

Secara kaedahnya, “Yang diambil kira dalam sesuatu akad ialah maksud dan tujuannya, bukan nama dan bentuknya.”⁸ Maksud yang jelas apabila seseorang menyimpan wang kepada orang lain dan membenarkannya menggunakan wang tersebut, adalah untuk memberi hutang kepadanya. Justeru, ia terikat dengan hutang-piutang yang telah ditetapkan oleh syarak.

Sebagaimana yang diketahui, pihak bank apabila menerima simpanan daripada pelanggannya, tidak bertujuan semata-mata menyimpan wang tersebut. Sebaliknya mereka pasti akan menggunakannya untuk tujuan dan aktiviti perbankan. Bahkan antara objektif sistem perbankan adalah untuk menyelaraskan keperluan kewangan bagi unit lebihan dan unit kurangan, dengan menjadikan bank sebagai pengantara. Justeru melalui gambaran ini amat jelas bahawa bank menggagas satu tanggungjawab (*dhaman*) apabila menerima simpanan daripada orang ramai. Maksud tanggungjawab tersebut menunjukkan bahawa pihak bank menjadi penghutang dengan penyimpan (pemiutang) bukanlah semata-mata menjadi penerima simpanan. Hal ini turut disokong dengan maksud kaedah fiqh “Perkara yang telah diketahui secara kebiasaan sama seperti yang disyaratkan”. Kaedah ini amat sesuai digunakan untuk menyokong kenyataan bahawa status simpanan wang di bank ialah hutang bukannya simpanan semata-mata.

Menurut pendapat ini setiap manfaat yang terhasil daripada hutang ialah riba sama ada manfaat tersebut berbentuk *‘ain* atau *thamarat al-‘ayan* seperti yang dijelaskan. Pengharaman sesuatu manfaat yang berkaitan dengan hutang adalah jelas seperti mana yang dimaksudkan oleh hadis:

عن علي رضي الله عنه قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم :
كل قرض جرّ منفعة فهو ربا

Bermaksud:

*Daripada Ali r.a., berkata: Rasulullah SAW bersabda: “setiap hutang yang mendatangkan manfaat ialah riba.”*⁹

ii. Alasan pendapat kedua

Selain pendapat pertama, terdapat juga pendapat yang menyatakan bahawa status simpanan wang di bank-bank kini ialah simpanan (*wadi’ah*) dan bukannya hutang (*qardh*).

Menurut Abu Jayb (1994), ahli-ahli perundangan dan perbankan semasa, simpanan wang di bank bermaksud simpanan (*wadi'ah*). Bank yang menerima simpanan bertanggungjawab menyerahkan kembali kepada penyimpan, sama ada jumlah yang sama banyak atau jumlah lain yang diperseujui dalam syarat-syarat simpanan. Dalam masa yang sama juga bank berhak memanfaatkan simpanan tersebut.¹⁰ Berhak atas manfaat tidak sama dengan berhak ke atas benda (*raqabah*) yang disimpan. Berhak atas manfaat ialah pihak bank diberi kebenaran oleh pemilik wang (penyimpan) untuk menggunakan wang tersebut sementara ia tersimpan di bank-bank berkenaan. Manakala berhak atas benda (*raqabah*) menunjukkan pemilikan terhadap *'ain* benda tersebut iaitu wang yang tersimpan di bank. Milik *raqabah* seperti ini tidak pernah berlaku pada pihak bank terhadap wang yang disimpan di bank-bank, kerana penyimpan boleh mengeluarkan wang simpanan mereka daripada bank tersebut pada bila-bila masa sahaja tanpa terikat dengan syarat-syarat tertentu.

Demikian juga, kebenaran penyimpan kepada penerima simpanan untuk menggunakan wang simpanan tidak menjadikan akad tersebut sebagai akad hutang (*qardh*) sebaliknya menjadikannya sebagai akad tanggungan (*dayn*). Terdapat perbezaan antara akad *qardh* dengan akad *dayn* dari segi makna dan hukum. Dari segi makna, *qardh* atau hutang adalah lebih khusus, sedangkan *dayn* atau tanggungan lebih umum. *Qardh* menggambarkan pemotongan sebahagian harta oleh pemiliknya untuk diserahkan bebas kepada seseorang untuk digunakan dan dipulangkan kembali bahagian tersebut pada masa yang ditetapkan. Manakala *dayn* menggambarkan konsep tanggungjawab iaitu tanggungjawab penerima simpanan untuk memulangkannya kembali pada bila-bila masa barang simpanan tersebut diperlukan. Konsep *dayn* inilah yang digambarkan oleh fuqaha sebagai *dhaman* (jaminan). Manakala dari segi hukum juga berbeza kerana akad *qardh* ialah akad yang *lazim*¹¹ kepada pihak penghutang, sedangkan akad simpanan merupakan akad yang tidak *lazim* atau dikatakan akad yang harus dalam hukum muamalat.

Bagi mereka yang berpandangan bahawa simpanan wang di bank ialah *wadi'ah*, maka sebarang manfaat yang diterima oleh penyimpan daripada bank adalah diharuskan. Ini kerana akad simpanan ialah akad *amanah* yang tidak mungkin berlaku riba padanya.¹² Konsep akad amanah berbentuk *tabarru*¹³ di mana pihak bank menerima simpanan secara sukarela dan tanpa mengenakan sebarang bayaran bagi tujuan simpanan tersebut. Atas dasar *tabarru* jugalah maka penyimpan membenarkan penerima simpanan memanfaatkan wang simpanan mereka dan atas dasar *tabarru* jugalah penerima simpanan yang telah memanfaatkan wang simpanan tersebut memberi sedikit kelebihan dan manfaat kepada penyimpannya.

iii. Alasan pendapat ketiga

Selain dua pandangan di atas, ada yang berpendapat bahawa simpanan yang tidak dikenakan sebarang caj penyimpanan maka ia ialah simpanan yang berbentuk amanah. Tetapi jika ia dikenakan caj penyimpanan oleh penerima simpanan maka ia telah bertukar menjadi *ijarah*. Pendapat ini merupakan pendapat sebahagian fuqaha Hanafiyah.¹⁴ *Ijarah* berbeza dengan *wadi'ah*, kerana *ijarah* ialah sejenis akad yang berbentuk *dhamanah* manakala *wadi'ah* pula berbentuk amanah.

Pendapat ini agak jauh daripada realiti simpanan wang di bank yang tidak dikenakan sebarang caj mahupun kos yang berkaitan dengan simpanan kepada penyimpannya.¹⁵ Namun dari satu segi, timbul persoalan tentang hak yang dimiliki oleh pihak bank untuk menggunakan simpanan tersebut, adakah boleh dikira seperti bayaran upah secara tidak langsung oleh penyimpan kepada bank? Para fuqaha tidak sependapat dalam mengharuskan hukum ini menjadikannya manfaat sebagai bayaran sewa dan upah. Ini kerana syarat *ujrah* mestilah sesuai dengan spesifikasi harta antaranya: suci, bermanfaat, boleh dimiliki dan sebagainya. Para fuqaha tidak sependapat dalam menganggap manfaat sebagai harta. Secara umumnya jumur fuqaha menganggap harta terdiri daripada benda

(*'ain*) dan manfaat. Manakala fuqaha Hanafiyyah pula hanya membataskan harta kepada benda (*'ain*) sahaja. Justeru berasaskan pandangan Hanafiyyah, maka manfaat bank iaitu menggunakan wang simpanan, tidak boleh dianggap sebagai upahnya atau bayaran yang diterimanya daripada pelanggan. Berasaskan pandangan Hanafiyyah juga, tidak berlaku akad sewaan dalam simpanan bank pada masa kini.

Pendapat Terpilih

Berdasarkan ketiga-tiga pandangan ini, pandangan kedua yang mengatakan bahawa status simpanan wang di bank-bank adalah sebenarnya simpanan bukannya hutang, dilihat sebagai pendapat yang lebih kukuh. Justeru sebarang manfaat yang diperolehi oleh para penyimpan adalah tidak dikira sebagai riba. Kekuatan pendapat pertama ini dilihat dari beberapa aspek, iaitu:

- i. Simpanan merupakan akad yang harus di mana kedua-dua belah pihak boleh membubarkan akad tersebut pada bila-bila masa. Sedangkan akad hutang merupakan akad yang mengikat (*lazim*) sebelah pihak iaitu pihak penghutang. Dengan kata lain pihak pemiutang tidak boleh membubarkan akad hutang yang belum matang dengan penghutang kecuali dengan persetujuan penghutang. Sebaliknya pihak penghutang boleh membubarkan akad hutang dengan pemiutang dengan syarat dia menjelaskan jumlah hutangnya walaupun belum sampai tempoh matang.¹⁶
- ii. Dari segi niat dan tujuan menyimpan, kebanyakan mereka yang menyimpan wang di bank-bank adalah dengan tujuan memudahkan pengurusan kewangan mereka seperti kemasukan gaji bulanan, perbelanjaan semasa, awasan dan sebagainya. Semua tujuan tersebut lebih menunjukkan makna simpanan daripada makna hutang. Hanya dengan memberi kebenaran sementara kepada bank menggunakan simpanan tersebut tidak boleh dikatakan sebagai memberi hutang.
- iii. Dari segi akad asal ia berlaku atas dasar simpanan bukannya hutang. Ini dapat dilihat secara jelas dalam syarat-syarat perjanjian

antara pihak bank dengan pelanggan apabila mereka bersetuju membuka akaun simpanan ataupun akaun semasa di bank tersebut. Simpanan tersebut tidak memindahmilikkan wang mereka kepada pihak bank, bahkan pemilikan masih kekal pada penyimpannya dan mereka boleh menuntut simpanan mereka pada bila-bila masa yang dikehendaki.

- iv. Ini berbeza dengan simpanan yang berlaku di bank-bank konvensional, di mana ia jelas bertujuan hutang. Buktinya, pihak bank, apabila menerima simpanan daripada para pelanggannya, telah menjanjikan pulangan iaitu lebihan yang tetap bagi simpanan tersebut jika disimpan untuk satu tempoh masa tertentu di bank berkenaan. Dengan itu, bank-bank konvensional lebih bermaksud mengambil hutang dengan menjanjikan sejumlah tetap faedah dan pulangan kepada penyimpannya. Hal ini boleh disamakan dengan kaedah fiqh yang bermaksud: “perkara yang memang telah diketahui secara adat/kebiasaan seperti suatu syarat”. Justeru, simpanan di bank konvensional yang menjanjikan faedah tetap secara jelas sebenarnya ialah suatu bentuk hutang. Demikian juga para penyimpan di bank-bank konvensional tidak dikatakan menyimpan, sebaliknya memberi hutang, kerana tidak ada maksud yang lebih jelas apabila seseorang menjanjikan pulangan yang tetap, melainkan ia bermaksud hutang secara riba. Ini juga selaras dengan syarat bahawa *ijab* mestilah menepati *qabul*. Justeru, apabila *ijab* ialah hutang secara riba maka *qabulnya* juga adalah sama. Hal ini telah digambarkan dalam maksud hadis Rasulullah SAW: Allah melaknat pengambil dan pemberi riba,¹⁷ maka tidak mungkin wujudnya pemberi riba tanpa wujudnya pengambil riba. Yang pastinya kedua-dua golongan ini akan dilaknati oleh Allah. Oleh itu, hukum menyimpan wang di bank-bank konvensional tidak dikatakan menyimpan, tetapi memberi hutang dan faedah tetap yang diterimanya ialah riba yang diharamkan.

Penutup

Simpanan dan hutang mempunyai perbezaan yang besar dalam hukum Islam. Penetapan status hukum bagi wang yang disimpan di bank-bank

Islam sebagai *wadi'ah* adalah tepat dan memberi banyak kebaikan kepada aktiviti perbankan Islam itu sendiri. Ini bagi membolehkan sistem perbankan Islam bersaing dengan sistem konvensional secara sihat.

Sekalipun seakan terdapat persamaan antara simpanan di perbankan Islam dengan simpanan di bank-bank konvensional, tetapi terdapat perbezaan yang jelas dari segi nilai dan hukum. Manfaat simpanan yang diterima daripada perbankan Islam tidak dikaitkan dengan riba yang terlarang, kerana ia hanyalah suatu bentuk *tabarru* atau kebajikan yang disediakan oleh pihak bank mengikut budi bicara mereka, sebagai penghargaan kepada penyimpan yang telah memberi kebenaran untuk menggunakan wang tersebut. Sebaliknya manfaat simpanan wang di bank-bank konvensional ialah riba yang diharamkan kerana pihak bank telah menjanjikan secara pasti status pemberian dan kadar manfaat daripada simpanan tersebut. Ini menjadikan maksud simpanan telah bertukar kepada hutang. Kaedah syarak tentang hutang adalah jelas sebagaimana maksud hadis yang lalu: “setiap hutang yang mendatangkan manfaat ialah riba”.

Berdasarkan perbezaan status simpanan antara perbankan Islam dan perbankan konvensional, maka dapatlah disimpulkan bahawa apa-apa manfaat yang diterima oleh penyimpan daripada bank Islam sama ada bersifat langsung atau tidak langsung diharuskan kerana ia berlaku atas dasar dan konsep *tabarru*. Manakala apa-apa manfaat yang terhasil daripada simpanan di bank-bank konvensional ialah riba yang diharamkan kerana ia berasaskan hutang.

Nota Hujung

Sebagai contoh, jahalah ialah satu elemen yang dilarang di dalam muamalat Islam. Kewujudan jahalah di dalam sesuatu transaksi menjadikannya haram. Memesan barangan tanpa menetapkan sifatnya, menempah barang tanpa ditentukan harganya, membeli barangan yang tidak wujud pada waktu akad dan seumpamanya adalah diharamkan justeru terdapat jahalah. Tetapi hukum jahalah dikecualikan dalam isu keuntungan mudharabah bahkan jahalah diwajibkan dalam bab ini. Justeru itu, tidak boleh digunakan alasan 'mengelakkan jahalah', iaitu dalil umum dalam bab muamalat untuk diaplikasikan dalam kes mudharabah bagi membolehkan pekerja (bank) menjanjikan keuntungan *up-front*.

Contoh lain ialah *istisna'* dan *salam*. Banyak hadis melarang orang berjual beli sesuatu yang tidak wujud sewaktu akad berlangsung. Ini ialah kaedah umum yang digunakan dalam muamalat. Tetapi cukup dengan satu dalil yang kuat mengharuskan jual beli secara *istisna'* dan *salam* sekalipun barang atau *subject matter* tidak wujud sewaktu akad *istisna'* dan *salam* itu dibuat. Maka dalam keadaan *subject matter* tidak wujud, tidak boleh menggunakan hujah bersandarkan kepada sabda Nabi Muhammad SAW: "Jangan kamu jual sesuatu yang kamu tidak ada" untuk mengharamkan *istisna'* atau *salam*.

Sama juga dalam isu ini, dalil yang dikemukakan oleh golongan yang tidak membenarkan secara mutlak bermuamalat dengan individu yang sumber pendapatannya haram adalah dalil umum berkaitan penglibatan secara langsung orang Islam yang melakukan pekerjaan yang haram. Sememangnya melakukan perkara yang halal tetapi ia bersifat khidmat secara langsung kepada perkara yang haram, membantu transaksi yang haram dan seumpamanya adalah cukup jelas pengharamannya. Tetapi ini adalah hukum asal yang umum berdasarkan dalil yang umum. Tetapi bermuamalat dengan transaksi yang halal dengan golongan yang mempunyai sumber pendapatan yang haram mempunyai dalil-dalilnya tersendiri.

Sekalipun hanya terdapat satu dalil sahaja yang sahih dan kuat yang mengharuskan bermuamalat dengan pihak yang jelas sumbernya

haram, dalil tersebut sudah cukup untuk mengecualikan hukum tersebut daripada larangan umum terhadap transaksi dengan harta yang haram. Apabila keharusan itu sudah dikhususkan dengan dalil yang khusus seperti Nabi Muhammad SAW dan para sahabat pernah bermuamalat dengan golongan yang sumbernya haram, maka tidak boleh diharamkannya dengan menggunakan dalil yang umum seperti hadis yang melaknat 10 orang yang terlibat dengan arak kerana ialah dalil-dalil penglibatan dengan aktiviti haram secara langsung. Kaedah ada menyebut:²³

الخاص إذا عارض العام يخصصه .

Terjemahan:

Dalil khas apabila bertembung dengan dalil am, maka ia akan mengkhususkannya.

Dalam kaedah usul, sesuatu yang umum apabila dikhususkan dengan dalil, maka ia tidak boleh diumumkan semula dengan dalil khusus tersebut. Berdasarkan alasan-alasan di atas, maka didapati pendapat pertama yang mengharuskan ialah pendapat yang kuat bersandarkan kepada dalil berbanding dengan pendapat kedua yang tidak mengharuskan.

II. Syarikat yang sumbernya haram tetapi untuk bisnes baharu yang halal

Syarikat yang haram bermaksud syarikat yang melakukan operasi yang bercanggah dengan syariat, seperti syarikat pengeluaran arak, syarikat pengedaran arak, syarikat judi, bank konvensional dan seumpamanya. Syarikat tersebut yang haram sumber pendapatannya ingin melebarkan sayapnya kepada perniagaan baharu yang halal. Contohnya untuk syarikat yang terlibat dalam industri arak, dari sudut hukumnya, pendapatannya sememangnya haram. Dengan pendapatan tersebut, mereka ingin membuat bisnes baharu yang halal, seperti mengedar beras, bawang dan sebagainya. Hasil keuntungan daripada bisnes baharu yang halal sama ada diisytiharkan untuk diasingkan antara akaun bisnes pertama yang haram dengan akaun bisnes baharu yang halal atau

tidak diisytiharkan untuk diasingkan antara akaun bisnes pertama yang haram dengan akaun bisnes baharu yang halal.

Andai kata kos untuk membuka bisnes baharu ialah RM2 juta, tetapi syarikat hanya mampu menyediakan sebanyak RM1.5 juta. Oleh itu, syarikat tersebut memohon pinjaman sebanyak RM500 ribu daripada institusi kewangan Islam. Maka persoalannya dalam kes ini ialah, adakah harus Institusi kewangan Islam memberikan pembiayaan sebanyak RM500 ribu bagi mencukupkan modal syarikat haram tersebut untuk menjalankan bisnes baharu yang halal?

Pandangan dan hujah

Terdapat tiga pendapat penasihat-penasihat syariah berkenaan syarikat yang sumbernya haram dan berhasrat untuk melebarkan perniagaan dalam perniagaan yang halal seperti berikut:

Pendapat pertama: pendapat yang membolehkan sumber yang haram sama ada daripada individu atau syarikat tanpa membezakan antara satu sama lain sebagaimana yang dinyatakan dalam perbincangan di atas. Pendapat kedua: pendapat yang sama seperti dalam huraian di atas iaitu pendapat yang mengharamkannya secara mutlak. Pendapat ketiga: iaitu pendapat yang membezakan antara individu dan syarikat, di mana individu yang sumbernya haram dibolehkan bermuamalat manakala syarikat yang sumbernya haram tidak boleh bermuamalat dengannya apabila tidak diisytiharkan pengasingan akaun keduanya.

Pendapat yang ketiga ini menyatakan bahawa jika pihak syarikat tersebut mengisytiharkan bahawa akaunnya akan diasingkan daripada perniagaan yang haram, maka ia dibolehkan. Dalil pendapat ini sepertimana berdasarkan kepada hujah dalam huraian yang pertama. Bagi situasi syarikat yang haram sumbernya yang tidak mengisytiharkan pengasingan akaun bisnes yang halal dengan yang haram, pendapat ini berpandangan bahawa berkemungkinan hasilnya akan dimasukkan ke dalam akaun yang haram disebabkan oleh individu yang sama adalah pemilik kepada syarikat yang haram.

Hujah pendapat ketiga ini dijawab sebagaimana jawapan kepada hujah golongan kedua dalam huraian pertama. Iaitu perbuatan atau *tasarruf* terhadap keuntungan yang diperolehnya tidak lagi ditanggung oleh pihak institusi kewangan Islam justeru ia sudah di luar daripada kontrak. Tambahan pula, penggunaan hasil keuntungan bagi membantu syarikat yang haram adalah sesuatu yang tidak pasti, maka penyelidikan tentang penggunaan tersebut adalah tidak diwajibkan, sebagaimana hukum *mudharabah* dengan golongan bukan muslim, sama ada di luar atau di dalam negara Islam.

Tarjih

Pandangan pertama yang menyatakan harus ialah pandangan yang kuat berdasarkan alasan berikut:

- a. Sama seperti *pentarjihan* dalam huraian pertama.
- b. Dalam fiqh Islam, penubuhan sesuatu syarikat pada hari ini dikatogerikan dalam status individu atau dikenali sebagai *syakhsun i'tibari*. Justeru, hukumnya adalah sama sahaja dengan hukum individu sekalipun operasinya dalam bentuk syarikat dalam konteks moden pada hari ini. Oleh itu, hujah untuk membezakan antara status individu dengan entiti syarikat perniagaan adalah ditolak.
- c. Dalam kes ini, resolusi yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia terpakai bukan sahaja untuk tidak perlu menyelidiki sumber dana pelanggan, bahkan tidak wajib menyelidiki ke manakah hasil yang halal itu akan digunakan oleh pihak pelanggan. Resolusi BNM berbunyi:
“Majlis pada mesyuarat ke 58 pada 27 April 2006 bersamaan 28 Rabiulawal 1427 telah memutuskan bahawa institusi kewangan Islam secara umumnya diharuskan untuk menerima permohonan bagi meletakkan deposit atau dana pelaburan daripada pelanggan individu atau syarikat korporat tanpa perlu menyelidiki sama ada sumber dana pelanggan adalah halal, haram atau bercampur antara halal dengan haram.”²⁴
- d. Tambahan pula jika institusi kewangan Islam secara mutlak tidak dibenarkan menerima deposit daripada syarikat-syarikat haram,

maka juga sepatutnya tidak dibenarkan bank konvensional menubuhkan *window* Perbankan Islam dengan dana mereka yang haram, kerana bank konvensional juga ialah syarikat yang asas operasinya adalah haram, iaitu riba. Jika berurusan dengan syarikat yang haram adalah haram manakala bank Islam yang induknya konvensional adalah halal, ini bersifat *al-tafriq baina al-mujtami'at*, iaitu membeza-bezakan antara dua perkara yang mempunyai *illat* yang sama. Ini bercanggah dengan konsep *wahdah al-syari'at* yang menjadi ciri penting syariat Islam. Tetapi hakikatnya, dalil lebih cenderung kepada keharusan bagi muamalat Islam untuk mengambil sumber yang asalnya adalah haram bagi tujuan yang halal dan bersih sebagaimana yang telah diterangkan sebelum ini.

III. Syarikat yang sumbernya pendapatannya haram tetapi untuk transaksi yang halal dan keuntungannya kembali semula ke syarikat yang haram.

Syarikat yang haram sumber pendapatannya ingin terlibat dengan transaksi dan operasi halal institusi kewangan Islam seperti melabur dalam pelaburan *mudharabah*, *musyarakah*, simpan-menyimpan, pinjam-meminjam, *forex* dan seumpamanya. Perbezaan antara isu ini dengan isu kedua yang dinyatakan di atas ialah keuntungan syarikat dalam isu kedua tidak semestinya kembali semula ke akaun syarikat tersebut, manakala dalam hal ini, keuntungan daripada transaksi halal tersebut akan kembali semula kepada syarikat haram. Seterusnya ia akan membantu syarikat tersebut dalam mengoperasikan perkara yang haram. Contohnya, apabila sesuatu syarikat haram ingin mendeposit wang mereka di dalam akaun *mudharabah* atau *musharakah* atau seumpamanya. Adakah perkara ini dibolehkan justeru keuntungan daripada *mudharabah* atau *musyarakah* secara pasti akan kembali semula kepada syarikat haram tersebut, seterusnya membantu operasi haramnya?

Pandangan dan hujah

Terdapat dua pendapat berkenaan dengan isu keterlibatan syarikat yang sumbernya haram di dalam transaksi yang halal sebagaimana berikut:

Pendapat pertama: sebahagian besar ulama semasa berpendapat bahawa institusi kewangan Islam harus bermuamalat dengan institusi kewangan konvensional dengan syarat, transaksi tersebut mestilah transaksi yang halal.²⁵ Pendapat ini ialah pendapat sebahagian besar institusi-institusi kewangan Islam di Timur Tengah seperti Kuwait Finance House, *Hai'ah Kibaar al-Ulama di Saudi, Accounting and Auditing Organisation of Islamic Financial Institutions* (AAOFFI) dan sebagainya.

Penasihat Syariah Kuwait Finance House telah diminta untuk memberikan fatwa mengenai isu menandatangani wang di bank konvensional tanpa riba. Penasihat Syariah Kuwait Finance House menyatakan:

“Sekalipun saya tidak suka bermuamalat dengan bank riba (konvensional) walaupun muamalat itu muamalat tanpa riba, tetapi disebabkan *umum al-balwa* dan keperluan masyarakat untuk bermuamalat dengan bank tersebut maka saya membenarkan. (Oleh itu), tidak mengapa untuk meminjamkan kepada mereka dengan *qardh al-hasan* dan meminta pinjaman dengan mereka juga dengan *qardh al-hasan* sebagai galakan kepada mereka untuk bermuamalat dengan muamalat tanpa riba.”²⁶

Hai'ah Kibar al-Ulama di Arab Saudi mengeluarkan fatwa berkenaan urusan dengan bank konvensional:

“Urusan pemindahan (*transfer*) wang daripada sesuatu bank ke sesuatu bank (yang lain) adalah harus sekalipun dengan bayaran tambahan yang dikenakan oleh bank (konvensional) yang melakukan transaksi *transferring*, kerana lebihan yang diambil oleh bank (konvensional) merupakan upah (bukan riba) di atas urusan *transfer* yang dilakukan oleh pihaknya (bank konvensional).”²⁷

Fatwa ini jelas menunjukkan keharusan bermuamalat dengan institusi kewangan konvensional menggunakan transaksi halal sekalipun keuntungan itu diperoleh oleh institusi haram tersebut.

Shariah Standards 2007 terbitan *Accounting and Auditing Organisation of Islamic Financial Institutions* (AAOIFI), no. 6, perkara

4(b) selepas menyatakan keharusan bermuamalat dengan bank pusat yang konvensional, maka harus juga bermuamalat dengan bank konvensional yang lain sambil menegaskan syarat bahawa muamalat itu mestilah dalam transaksi yang halal:

تصحيح التعامل مع البنوك التقليدية على أساس عدم التعامل بالربا
واستخدام الصيغ المقبولة شرعاً

Terjemahan:

Mesti dipastikan bermuamalat dengan bank konvensional di atas asas tidak bermuamalat dengan riba dan mestilah menggunakan perkataan-perkataan (kontrak) yang diterima oleh syariat²⁸

Dubai Islamic Bank di Emirate juga melakukan transaksi Islam dengan syarikat yang haram, iaitu bank konvensional di Amerika Syarikat, United Kingdom dan juga Switzerland.²⁹

Banyak lagi institusi-institusi kewangan Islam lain yang melakukan transaksi Islam dengan bank-bank riba utama dunia.³⁰

Sekalipun Bank Negara Malaysia di dalam Resolusinya tidak menetapkan secara jelas tentang kebenaran pengambilan dana daripada sumber haram, tetapi dalam masa yang sama mereka menukikkan pandangan Dr. Abbas Ahmad Muhammad al-Baz yang mengharuskan pengambilan deposit daripada sumber yang tidak halal dengan berhujahkan ayat 38-39, surah al-Najm yang diterjemahkan berbunyi: “Dalam kitab itu ditegaskan bahawa sesungguhnya seseorang yang boleh memikul tidak boleh memikul dosa perbuatan orang lain (bahkan dosanya akibat usahanya sahaja). Dan bahawa sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan (balasan) yang diusahakannya sahaja.³¹

Isu yang menjadi fokus kepada mereka hanyalah keharusan bermuamalat dengan bank konvensional atau bermuamalat dengan dana yang sumbernya riba. Sekalipun begitu, ia juga merangkumi hukum yang berkait dengan sumber arak, judi dan sumber lain kerana sumber haram yang lain adalah lebih ringan daripada riba. Ini kerana, larangan riba sangat keras berbanding dengan larangan seperti arak, judi dan larangan lain kerana larangan riba sehingga tahap mengisytiharkan

perang, berbeza dengan larangan arak, judi dan seumpamanya. Firman Allah SWT:

فَإِنْ لَّمْ تَفْعَلُوا فَأْذَنُوا بِحَرْبٍ مِّنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ ...

Terjemahan:

Oleh itu, kalau kamu tidak juga melakukan (perintah mengenai larangan riba itu), maka ketahuilah kamu: akan adanya peperangan dari Allah dan RasulNya, (akibatnya kamu tidak menemui selamat) ...

(Surah al-Baqarah (2): 279)

Sebenarnya, hujah golongan pertama dalam konteks ini ialah hujah yang sama yang telah dibentang dan dibahaskan dalam fasa pertama. Sebagai tambahan kepada hujah yang dinyatakan dalam fasa pertama, golongan ini melihat harus bermuamalat dengan institusi kewangan konvensional di dalam transaksi yang halal dengan hujah bahawa Nabi Muhammad SAW dan para sahabat baginda bermuamalat dengan Yahudi di Madinah dengan muamalat yang harus dan mereka tidak bertransaksi dengan transaksi yang haram. Sebagaimana diketahui umum, orang Yahudi bermuamalat dengan riba di antara satu sama lain. Di samping itu, Nabi Muhammad SAW juga pernah berhutang dengan Yahudi dan baginda wafat dalam keadaan baju besinya masih lagi berada di tangan Yahudi sebagai gadaian.³² Para sahabat baginda juga bermuamalat dengan musyrikin Mekah dan dengan peniaga-peniaga kafir ketika pergi ke Syam dan Yaman sebelum negara-negara tersebut memeluk Islam.³³

Sebahagiannya pula berhujahkan hajat keperluan dan kesusahan umum (*'umum al-balwa*).³⁴ Ini kerana, pendapatan haram hasil daripada riba yang berlegar dalam pasaran kini amat besar jumlahnya. Jika keseluruhan dana Islam dianggarkan sekitar ratusan bilion dolar Amerika Syarikat (USD), jumlah ini sangat kecil berbanding dengan dana yang beroperasi secara riba yang mencecah puluhan trilion USD. Dengan jumlah yang besar itu, maka wang hasil perbuatan haram itu berlegar dalam pasaran tanpa dapat dikenal pasti dengan jelas yang mana haram dan yang mana halal.³⁵

Sebahagian ulama semasa berpendapat bahawa institusi kewangan Islam tidak harus sama sekali bermuamalat dengan syarikat-syarikat haram, khususnya bank konvensional di dalam semua lapangan.³⁶ Hujah yang dikemukakan oleh golongan ini adalah kerana keterlibatan dengan syarikat yang haram yang kemudian keuntungannya akan kembali semula kepada operasi syarikat tersebut. Ini akan membantu syarikat haram tersebut meneruskan operasinya yang haram.³⁷ Hujah ini adalah sama dengan hujah yang telah dibentangkan dan dibahasakan di dalam fasa pertama.

Keterangan hujah ini adalah sama sebagaimana di dalam huraian pertama. Sebagai tambahan, jawapan kepada hujah ini dari sudut *al-Jami' baina al-Muftariqat* cukup jelas. Iaitu, kenapa muamalat ini diharamkan sedangkan pada masa yang sama Islam mengharuskan menjual keperluan asasi seperti beras, gandum dan sebagainya kepada golongan penyembah berhala? Sedangkan pada hakikatnya, sekiranya umat Islam membekalkan beras kepada mereka bermakna seolah-olah umat Islam membantu penyembah berhala tersebut meneruskan kehidupan dengan melakukan perbuatan syirik dan seterusnya menambahkan dosa syirikinya.

Secara zahir, menjual barangan keperluan hidup kepada penyembah berhala seolah-olah membantu mereka dalam meneruskan perbuatan tersebut. Dalam hal ini, tiada ulama yang berpendapat haram menjual barangan keperluan kepada kafir zimmi sekalipun tanpa ragu mereka ialah penyembah berhala di dalam negara Islam.

Jika dikatakan, sambungan talian hayat hidupnya memungkinkan penyembah berhala tersebut akan menganut Islam pada satu hari nanti. Oleh kerana andaian positif ini mungkin boleh terjadi, maka diharuskan menjual beras dan segala keperluan hidup kepada mereka.

Situasi ini sama seperti umat Islam bertransaksi dengan bank konvensional, berkemungkinan ia akan berubah seratus peratus menjadi perbankan Islam atau sekurang-kurangnya institusi tersebut membuka *window* Islam banking sahaja. Pada masa itu, wang tersebut sama ada menjadi pembantu kepada operasi kewangan Islam atau akan disalurkan kepada badan kebajikan. Ini juga ialah andaian positif yang boleh berlaku.

Tarjih

Pandangan pertama yang menyatakan harus adalah pandangan yang kuat berdasarkan kepada alasan berikut:

- a. Sama seperti pentarjihan dalam dua isu di atas.
- b. Pendapat yang pertama lebih relevan dalam realiti hari ini kerana sekalipun ia bukan dalil utama penghujahan dalam *fiqh* Islam, tetapi ia ialah dalil sampingan (*secondary*). Sabda Nabi Muhammad SAW: “Sesungguhnya aku dibangkitkan dengan agama yang bersifat fitrah dan toleransi”.

Walaupun begitu, sekalipun pendapat yang mengharuskan ialah pendapat yang lebih kuat berbanding dengan pendapat yang tidak mengharuskan, tetapi ia harus dilaksanakan dengan *dhawabit* yang tertentu. Ini kerana, sekalipun sumbangan keuntungan yang masuk ke dalam operasi syarikat yang haram adalah tidak melibatkan institusi kewangan Islam secara kontrak langsung, tetapi sumbangan kepada kelicinan dan pembangunan syarikat yang haram wujud.

Sekalipun tidak secara *qat'i*, larangan dalam ayat kedua surah al-Maidah seolah-olah wujud dalam isu ini. Larangan surah al-Maidah ayat kedua berbunyi: “Dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan.” Sekalipun sumbangan ini secara tidak langsung dan mempunyai persamaan juga dengan isu keharusan menjual barangan keperluan kepada penyembah berhala, tetapi kedudukan syarikat-syarikat haram dalam konteks hari ini adalah berbeza dengan konteks kedudukan individu penyembah berhala dalam bentuk dominasi.

Apa yang dimaksudkan sebagai dominasi ialah sebahagian syarikat-syarikat haram ini sekalipun tidak semua, tetapi secara sedar atau tidak mereka menguasai sosio-ekonomi umat Islam secara umum. Ini berbeza dengan situasi penyembah berhala atau kafir zimmi di dalam negara Islam yang diharuskan bermuamalat dengan mereka, di mana mereka tidak mendominasi sosioekonomi bahkan juga tidak memberikan kesan kepada sosioekonomi masyarakat umat Islam khususnya dan negara umumnya. Justeru, penerusan hidup mereka dengan membekalkan

barangan keperluan tidak menjejaskan umat Islam, manakala sebahagian syarikat haram pada hari ini sedikit sebanyak boleh menjejaskan sosioekonomi masyarakat umat Islam dengan pendominasian mereka terhadap masyarakat.

Oleh itu, keharusan bermuamalat dengan syarikat haram di mana keuntungan itu akan masuk semula ke dalam akaun syarikat yang sama adalah keharusan yang tidak mutlak. Tetapi ia mesti dilihat berdasarkan bentuk haram syarikat, operasi haram dan sebagainya. Jika jelas atau terdapat penunjuk yang menunjukkan kesannya kepada masyarakat, maka sayugia ia tidak dibenarkan, bukan kerana zatnya (*li ainihi*), tetapi kerana sebabnya (*li ghairihi*). Ia sama seperti hukum menjual senjata kepada orang kafir, di mana hukum menjual senjata adalah harus, tetapi menjualnya kepada kafir *harbi* adalah haram dan haram itu bukan kerana kafirnya, tetapi kerana sifat *harbi* iaitu menyerang semula umat Islam.

Justeru, beberapa ulama yang mengharuskan muamalat dengan syarikat yang haram juga meletakkan garis kebimbangan ini. Contohnya, Dr. Abbas Ahmad Muhammad al-Baz yang beranggapan harus bermuamalat dengan sumber yang haram meletakkan garisan ini sebagai panduan dan sempadan. Beliau menyebut selepas menerangkan hujah keharusan bermuamalat dengan mereka yang sumber pendapatannya haram: “ini bermakna dosa yang dilakukan oleh seseorang tidak terbeban kepada pihak lain, dan tidak menghalang individu lain bermuamalat dengan mereka. Namun, ada kemungkinan individu lain turut sama dikira berdosa jika dia bersama-sama memainkan peranan atau menjadi penyebab kepada perbuatan haram seseorang.”³⁸

Dari sudut pengaplikasiannya, keterlibatan dengan syarikat-syarikat haram oleh pihak institusi kewangan Islam perlu dinilai dan diluluskan satu persatu, bukan diluluskan secara mutlak sebagaimana realiti dalam fasa pertama. Ini bagi mengenal pasti kedudukan syarikat haram tersebut dari sudut kesannya kepada sosioekonomi umat Islam khususnya, dan sosio ekonomi masyarakat umumnya.

Kesimpulan dan penutup

Berdasarkan kajian dan penelitian berkenaan isu ini, penulis membuat kesimpulan seperti berikut:

1. Hukum bermuamalat dengan individu-individu yang sumber pendapatannya adalah haram dan juga syarikat-syarikat haram adalah perkara *khilafiyah*. *Khilafiyah* ini ialah *khilafiyah* yang muktabar. Justeru, dalil dan sandaran semua golongan ialah sandaran yang kuat.
2. Harus bermuamalat dengan individu-individu yang sumbernya haram adalah lebih kuat berbanding dengan dalil golongan yang tidak membolehkannya. Justeru dalil golongan yang tidak membolehkannya ialah dalil yang umum manakala dalil golongan yang membolehkan adalah dalil yang khusus.
3. Tidak ada perbezaan antara individu dan syarikat dalam konteks hari ini. Justeru syarikat sebenarnya dianggap sebagai satu individu yang diistilahkan sebagai *syakhsun i'tibari'*. Justeru, individu atau syarikat tidak menjadi alasan perbezaan dari perspektif fiqh.
4. Isu yang penting dalam perbincangan ini bukan sahaja berlegar di sekitar sumber yang haram, tetapi juga berlegar di sekitar ke manakah keuntungan tersebut akan digunakan. Jika ia pergi kepada individu atau syarikat bagi tujuan umum atau tujuan yang harus, maka dalil kuat menunjukkan ia adalah harus, tanpa mengira ia syarikat atau individu.
5. Jika keuntungan tersebut kembali kepada syarikat yang operasinya haram, maka dalam bab ini perlu dilihat secara lebih terperinci, sama ada ia memberikan kesan kepada sosioekonomi atau tidak.
 - a. Jika tidak memberikan kesan, maka pendapat yang mengharuskan adalah lebih kuat sebagaimana amalan sebahagian besar Institusi kewangan Islam di Timur Tengah.
 - b. Jika ia memberikan kesan, lebih cenderung kepada haram, bukan kerana sumbernya yang haram, tetapi kerana ia termasuk di dalam larangan ayat kedua surah al-Maidah, iaitu menolong di dalam perkara dosa dan permusuhan.

Nota Hujung

1. Imam Ibnu Taimiyyah (1417H), *Tafsir Aayat Usykilat 'ala Kathirin Min Al-Ulama*, Pustaka Ar-Rusyd, hlm 588-593.
2. Ibnu Al-Haadi (2005), *Al-Uqud Ad-Durriyyah Min Mana'iqib Syaikh Al-Islam Ahmad Bin Taimiyyah*, Pustaka Al-Asriyyah, hlm 21-22.
3. Sarakhsi, *Al-Mabsut*, Darul Makrifah, Beirut, jil 13, hlm 163; Ibnu Al-Hummam, *Syarh Fathu al-Qadir*, Dar Al-Fikr Beirut, hlm 328-329.
4. Ibnu Rejab Al-Hanbali, *Al-Qawaid al-Fiqhiyyah*, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, hlm 192; Al-Mardaawi, *Al-Insaf*, Dar al-Ihya' al-Arabi, Beirut, jil. 6 hlm 208.
5. Al-Baji (1332H), *Al-Muntaqaa Syarh al-Muwatta'* Dar al-Sa'adah, Beirut, jil 4 hlm 22; Ibnu Abdil Al-Barr (2000), *Al-Istizkar al-Jami' Li-Mazahib Fuqaha' Al-Amsar wa Ulama al-Aqtar*, Dar Al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, jil. 7 hlm 149.
6. Ibid.
7. As-Syirazi, *Al-Muhazzab*, Dar al-Kutub Al-Ilmiyyah, jil. 1 hlm 486.
8. Mardawi (2003), *Tashih Al-Furu'*, Muassasah Al-Risalah, Dar Al-Muayyid, jil 4 hlm 493-494; Al-Mardaawi, *Al-Insoof*, jil. 6 hlm 208.
9. Al-Mardawi, *Al-Insaf*, jil 6 hlm 208.
10. Ibnu Taimiyyah (2001), *Majmu' Al-Fatawa*, Dar Al-Hadis dan Dar al-Wafa' di Kaherah, jil. 30 hlm 32.
11. Al-Mardawi (2003), hlm 493-494; Al-Mardaawi, *Al-Insaf*, jil. 6 hlm 208.
12. Ibnu Abd Al-Barr, *Al-Istizkar*, jil. 7 hlm 150.
13. Ibnu Taimiyah, *Majmu' Al-Fatawa*, jil. 30 hlm 323.
14. Muhammad Othman Syabir (2001), *Al-Muamalaat Al-Maaliiyyah Al-Mu'asirah fi al-Fiqhi Al-Islami*, Dar An-Nafais Jordan, hlm 326.
15. Ayat lain yang membawa maksud yang sama ialah dalam surah al-Isra' 17:15, Faathir 25:18, Al-Zumar 39:7.
16. Hadis sahih, diriwayatkan oleh Imam Muslim, Bab keharusan hadiah kepada Nabi Muhammad SAW, Bani Hasyim dan Bani Mutallib, no. 1786. *Sahih Muslim Syarh Imam Al-Nawawi*, Matbaah Al-Misriyyah, Kaherah.

17. Sa'd Ad-Din Taftaazaani, *Syarh Al-Talwih 'Ala Al-Taudhih li-Matan Al-Tanqih fi Usul Al-Fiqh*, Dar Al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, jil. 2, hlm 153.
18. Ibid; Ibnu Amir al-Haj (1999), *Al-Taqrir wa al-Tahbir*, Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah, Beirut, jil. 3 hlm 275.
19. Ibid: hlm 153, 155, 156.
20. At-Tabari, Jaami' Al-Bayan 'An Ta'wiil Aayi Al-Quran (جامع البيان عن تأويل آي القرآن) تفسير الطبري) jil. 3, hlm 300.
21. Hadis sahih, diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Nu'man bin Basyir, bab mengambil yang halal dan meninggalkan syubhah, no 2996.
22. Yusof Al-Qardhawi, *Al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*, Maktabah Wahbah, Kaherah, hlm 26.
23. Abdul Fattah Ad-Dukhmi (1996), *Al-Tahqiq Al-Ma'mul li Minhaj al-Usul A'la al-Minhaj al-Baidhawi*, Turki Lil-Komputer wa Tiba' al-Ufset, hlm 323.
24. Lihat: Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam, terbitan Bank Negara Malaysia, terbitan pertama, Mac 2007, hlm 49.
25. Muhammad Othman Syabir, *Al-Muamalat Al-Maliyyah Al-Mu'asirah fi al-Fiqhi al-Islami*, hlm 326.
26. *Al-Fatawa al-Syari'iyah fi al-Masail al-Iqtisadiyyah*, Kuwait Finance House, jil 1 hlm 190-192. Lihat juga: Muhammad Othman Syabir, *Al-Muamalat Al-aaliyyah Al-Muaasirah Fi Al-Fiqhi Al-Islami*, hlm 326.
27. Ibid, 327.
28. AAOIFI Shariah Standards 2007, versi bahasa arab, hlm 77.
29. Muhammad Othman Syabir, *Al-Mu'amalat al-Maliyyah al-Mu'asirah*, hlm 329.
30. Auf Mahmud al-Kufrawi (1407H), *Al-Nuquud Wa Al-Masarif Fi An-Nizam Al-Islami*, Dar Al-Jamiat al-Misriyyah, hlm 159.
31. Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam, Bank Negara Malaysia, hlm 110.
32. Hadis sahih, riwayat Imam Bukhari, bab apa yang diceritakan tentang baju besi Nabi Muhammad SAW, hadis no. 27000. Sahih Bukhari, *Syarh Fath Al-Bari*, Imam Ibnu Hajar Al-Asqalani, Matbaah Al-Salafiyah, Kaherah.

33. Abdullah Al-Abbadi, *Mauqif al-Syar'iyah min al-Masarif Al-Islamiyyah Al-Mu'asirah*, Maktabah al-Asriyyah, Beirut.
34. Muhammad Othman Syabir, *Al-Muamalat al-Maliyyah al-Mu'asirah fi Al-Fiqh al-Islami*, hlm 326.
35. Lihat, Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam, Bank Negara Malaysia, hlm 108.
36. Lihat Abdullah Al-Abbadi (1992), *Taqdim al-Ta'at a'la Ukhra aw Tarkiha Nazran li al-Zaman*, Dar Al-Thaqafah, Qatar, hlm 182.
37. Ibid. Lihat juga, Muhammad Othman Syabir, *Al-Muamalat al-Maliyyah al-Muasirah fi al-Fiqh al-Islami*, hlm 326.
38. Abbas Ahmad Muhammad al-Baz, *Ahkam al-Maal al-Haram wa dhowaabit al-Intifa' Bihi Fi al-Fiqh Al-Islami*, hlm 232-233.

Rujukan

AAOIFI Shariah Standards. (2007).

Abbas Ahmad Muhammad al-Baz. (1998). *Abkam Al-Mal Al-Haram wa Dawabit al-Intifa' bihi fi Al-Fiqh al-Islami*. Abdul Fattah Ad-Dukhmiisi. (1996). *Al-Tabqiq al-Ma'mul Li Minhaj al-Usul a'la al-Minhaj al-Baidhawi*. Turki Lil-Komputer Wa Tibaa Al-Ufset.

Abdullah Al-Abbadi. Dr, *Mauqif As-Syariah Min Al-Masarif Al-Islaamiyyah Al-Mu'asirah*. Maktabah Al-Asriyyah, Beirut.

Abdullah Al-Abbadi (1992). *Taqdim Al-Ta'at a'la Ukhraa au Tarkiba Nazran Li Al-Zaman*. Dar Al-Thaqafah, Qatar.

Al-Baaji. (1332H). *Al-Muntaqaa Syarh Al-Muwatta'*. Dar As-Sa'adah, Beirut.

Al-Mardawi. *Al-Insaf*. Dar al-Ihya' al-Arabi, Beirut.

Al-Syirazi. *Al-Muhazzab*. Dar Al-Kutub al-Ilmiyyah, jil 1. Al-Tabari. *Jami' Al-Bayan 'An Ta'wil Aayi Al-Quran*. Auf Mahmud al-Kufraawi (1407H). *Al-Nuqud wa al-Masarif fi Al-Nizam al-Islami*, Dar Al-Jami'at al-Misriyyah. Ibnu Abdil Al-Barr(2000), *Al-Istizkar al-Jami' li-Mazahib Fuqaha' al-Amsar wa Ulama* al-Aqtar. Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah, Beirut. Ibnu Al-Haadi (2005). *Al-Uqud Al-Durriyyah Min Manaqib Syaikh al-Islam Ahmad Bin Taimiyyah*. Pustaka Al-Asriyyah, tahun..

Ibnu Al-Hummam. *Syarh Fathu Al-Qadi* . Dar Al-Fikr Beirut.

Ibnu Amir Al-Haaj Al-Halabi (1999). *Al-Taqrir wa Al-Tahbir*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut.

Ibnu Rejab Al-Hambali. *Al-Qawaid al-Fiqhiyyah*. Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.

Ibnu Taymiyyah (2001). *Majmu' Al-Fatawa*. Dar al-Hadis dan Dar al-Wafa', Kaherah.

Imam Ibnu Taymiyyah. (1417H). *Tafsir Aayat Usykilat 'Ala Kathirin Min Al-Ulama*. Pustaka Ar-Rusyid. Kuwait Finance House. (2003) *Al-Fatawa al-Syar'iyyah fi al-Masail al-Iqtisadiyyah*. Mardawi (2003). *Tashih Al-Furu'*. Muassasah Al-Risalah, Dar Al-Muayyi. Muhammad Othman Syabir. (2001). *Al-Muamalaat Al-Maaliyyah Al-Mua'sirah Fi Al-Fiqhi Al-Islami*. Dar Al-Nafais Jordan. *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam* (Mac 2007). Bank Negara Malaysia, Sa'd ad-Din Taftaazaani. (1997). *Syarh Al-Talwih 'Ala At-Taudhib Li-Matan An-Tanqih Fi Usul Al-Fiqh*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut.

Sarakhsi. *Al-Mabsut*. Darul Makrifah, Beirut, jil. 13. Yusuf Al-Qardhawi. (2000). *Al-Halal Wa Al-Haram Fi Al-Islam*. Maktabah Wahbah, Kaherah. Zaharudin Muhammad. (2005) *Maqasid As-Syariah Fi Zakat Al-Ma'adin*. Universiti Kaherah, Mesir.

Institusi Hisbah dan Peranannya dalam Mengawal Kegiatan Ekonomi Negara Islam

ZULFAQAR BIN MAMAT

Abstrak

Artikel ini bermatlamat untuk melihat peranan yang pernah dimainkan oleh institusi hisbah dalam mengawal kegiatan ekonomi di negara Islam. Artikel ini dibuat berdasarkan penelitian terhadap buku-buku berkaitan hisbah yang memperlihatkan peranan institusi ini dalam perkembangannya dan kejayaannya menstruktur suasana dan keadaan ekonomi di negara Islam agar berjalan di atas landasan yang mantap dan dibenarkan syarak. Peranannya bukan sahaja membanteras perkara-perkara mungkar yang bersifat luaran tetapi menjangkau soal-soal spiritual, akhlak dan moral individu yang berurusan dalam sistem ekonomi Islam tersebut. Prinsip *amar ma'ruf* dan *nahi munkar* yang menjadi asas utama kepada institusi ini ialah prinsip yang universal dan sesuai dilaksanakan pada semua peringkat kehidupan dan zaman. Tambahan pula ia termasuk dalam kategori *siyasah syar'iyah* yang boleh diubahsuai pelaksanaannya mengikut peredaran masa dan tempat. Maka sewajarnya ia dikaji secara lebih mendalam untuk pedoman dan panduan generasi yang akan datang.

Abstract

The objective of this article is to examine the role of hisbah institution in controlling economic activities in Islamic countries. This study is based on interpretation through several books related

to hisbah that will discuss on the role played by this institution in order to ensure that the structure of the economics environment in Islamic countries are in line with syariah. Its role not only to forbid physical damages, but also to inculcate decent manner among individuals in Islamic economic system. The principle of "amar ma'ruf, nahi munkar" are universal principle applicable to all period of time and places. The role of this institution which falls under the category of "siyasah syariyyah" can be enhanced by the authorities (government) so as to catter the need of the society. Extensive study in this particular topic should be carried out for the benefit of future generation.

Pendahuluan

Institusi *hisbah* merupakan sebuah institusi yang pernah memainkan peranan penting dalam negara Islam sedikit masa dahulu. Ia ialah institusi yang menjaga dan mengawasi kemaslahatan umum masyarakat Islam termasuk kegiatan politik, sosial dan ekonomi. Sehubungan itu, ada di kalangan ahli ilmuwan Islam mendefinisikan institusi *hisbah* sebagai satu badan pengawasan yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk mengawasi kegiatan individu dalam perkara yang berkaitan dengan akhlak, agama dan ekonomi (kehidupan sosial secara umumnya) dengan tujuan mengekalkan keadilan dan kemuliaan sebagaimana yang dianjurkan oleh syariat Islam dan bersesuaian pula dengan suasana persekitaran dan masa.

Sejarah menunjukkan bahawa kewujudan institusi *hisbah* berjalan seiring dengan perkembangan agama Islam itu sendiri. Ini kerana Islam ialah satu agama yang menganjurkan manusia supaya melakukan amal ma'ruf dan mencegah daripada melakukan kemungkaran yang boleh merosakkan masyarakat. Amalan *hisbah* telah dibuktikan dengan jelas pada zaman Nabi SAW di mana terdapat hadis-hadis yang menunjukkan perlakuan *hisbah*. Antaranya hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a (Al-Tirmizi, 1980):

ان رسول الله صلى الله عليه وسلم مر على صبرة طعام فأدخل يده فيها
فناالت أصابعه بلالا فقال يا صاحب الطعام ما هذا قال أصابته السماء يا
رسول الله قال أفلا جعلته فوق الطعام حتى يراه الناس ثم قال من غش
فليس منا

Maksud:

Bahawa Rasulullah SAW pada suatu ketika telah berjalan melalui satu longgokan makanan (di pasar), lalu baginda Rasulullah SAW telah memasukkan tangannya ke dalam longgokan tersebut, jari Baginda SAW tersentuh sesuatu yang basah lantas Rasulullah SAW bertanya kepada penjual itu: "Apakah semua ini?" Jawab penjual tersebut: Makanan ini terkena hujan. Nabi Muhammad SAW bersabda: "Kenapa engkau tidak meletakkannya di atas supaya dapat dilihat oleh orang ramai, baginda SAW menyambung lagi: Sesiapa yang menipu maka dia bukan dari kalangan kami."

Selepas kewafatan Nabi SAW tugas *hisbah* diteruskan lagi oleh para Khulafa al-Rasyidin. Kebanyakan daripada mereka melakukan sendiri tugas *hisbah* ini, di samping melantik beberapa orang pembantu untuk melancarkan lagi perjalanan tugas mereka (Ma'tuq, 1982). Diriwatkan bahawa Saidina Umar r.a. telah melantik al-Sa'ib bin Yazid bersama-sama Abdullah bin Utbah sebagai penguasa pasar Madinah dan beliau juga telah melantik wanita sebagai pembantunya di mana Sayyidah al-Syifa dan Sayyidah Samra' binti Nuhaik telah ditugaskan mengawasi pasar Madinah.

Pengasingan institusi ini daripada institusi-institusi lain dalam kerajaan Islam dikatakan berlaku pada masa pemerintahan kerajaan Abbasiyyah tahun 157 Hijrah, di mana khalifah Abu Ja'far al-Mansur telah memberi ruang kepada penguasa *hisbah* (*muhtasib*) untuk mentadbir institusi ini secara penuh sambil dibantu oleh pembantu yang dikenali sebagai "*arif*" dan "*amin*". Khalifah Abu Ja'far telah melantik Abu Zakariyyah Yahya bin Abdullah sebagai ketua para *muhtasib* pada ketika itu.

Apabila penjajahan kuasa-kuasa barat berlaku di kebanyakan negara Islam maka institusi *hisbah* telah mengalami perubahan dan mula

kehilangan identiti asalnya. Pada masa tersebut, institusi *hisbah* ada yang diserapkan ke institusi lain dan ada juga terus dikekalkan tetapi tidak lagi berfungsi sebagaimana biasa.

Bidang tugas institusi hisbah

Fungsi asal institusi *hisbah* amat luas seluas pengertian *ma'ruf* dan mungkar itu sendiri. Mohd Parid Sheikh Ahmad & Mohd Azmi Omar pula menjelaskan bahawa bidang tugas institusi ini amat luas di mana terkandung di dalamnya hak-hak berkaitan Allah SWT, hak-hak manusia dan hak-hak bersama. Mereka seterusnya menyatakan Imam al-Mawardi ketika mengulas berkaitan hak-hak yang berkaitan dengan institusi *hisbah* telah mengemukakan contoh-contoh seperti berikut:

A. Perkara yang berkaitan dengan hak-hak Allah SWT

Perkara berkaitan dengan hak-hak Allah dalam soal *ma'ruf* meliputi semua jenis ibadat seperti sembahyang, puasa, zakat, haji dan ibadat-ibadat lain. *Muhtasib* dalam hal ini bertanggungjawab memastikan hak-hak Allah ini ditunaikan oleh orang Islam yang berada di bawah jagaannya.

Manakala dalam soal mencegah mungkar pula perkara yang bersangkutan dengan hak-hak Allah ini terbahagi kepada tiga iaitu perkara yang berkaitan dengan ibadat, tegahan (*mahzurat*) serta muamalat dan munakahat. Dalam soal ibadat contohnya *muhtasib* berhak mencegah orang yang tidak berpuasa dengan sengaja, orang yang tidak membayar zakat, orang yang tidak menunaikan sembahyang atau ibadat lainnya. Dalam soal *mahzurat* pula *muhtasib* diberi kuasa untuk mencegah perbuatan yang boleh menimbulkan syak seperti melarang lelaki dan perempuan daripada berbual di tempat-tempat yang sunyi dan melarang daripada mempamerkan arak dan alat hiburan yang diharamkan. Seterusnya dalam perkara *muamalah*, *muhtasib* berhak mencegah perbuatan zina, nikah yang diharamkan Islam, riba dan penipuan dalam urusan jual beli.¹⁰

B. Perkara yang berkaitan dengan hak-hak manusia

Menegakkan *ma'ruf* dalam perkara yang berkaitan dengan hak-hak manusia ini terbahagi kepada dua iaitu hak umum dan hak khusus. Hak umum melibatkan perkara yang berkaitan dengan kepentingan awam, sebagai contohnya kerosakan benteng di sempadan, masalah bekalan air dan musafir. *Muhtasib* dalam soal ini perlu menangani setiap masalah awam yang berbangkit itu dengan sebaiknya sama ada mendapatkan bantuan kerajaan atau bantuan lain. Hak khusus pula membabitkan masalah individu seperti masalah hutang yang gagal dijelaskan pada masanya, dalam hal ini *muhtasib* boleh bertindak mendesak orang yang berhutang membayarnya.¹¹

Perkara kemungkaran yang berhubung dengan hak-hak manusia pula meliputi semua jenis urusan yang berlaku antara manusia dengan manusia. Perbuatan yang menimbulkan kesulitan dan memudaratkan manusia lain ketika berurusan adalah dilarang dan boleh dicegah oleh *muhtasib*. Contohnya, perbuatan menyakiti hati jiran dengan cara mencerobohi hak miliknya, sikap sambil lewa ketika bertugas, tidak amanah, tidak cekap dan tidak menjaga mutu barangan.¹²

C. Perkara berkaitan dengan hak-hak bersama

Bidang *ma'ruf* dalam perkara yang berkaitan dengan hak-hak bersama ini antaranya adalah dengan menyuruh para wali mengahwinkan anak perempuannya dengan lelaki yang sekufu dengannya, memastikan perempuan yang beridah mematuhi tempoh idahnya dan memastikan pemilik haiwan memberi makanan yang secukupnya kepada haiwan ternakannya.¹³

Bidang mungkar dalam hak-hak bersama pula termasuklah kewajipan mencegah manusia daripada mencari keaiban orang lain. Contohnya, menegah imam daripada memanjangkan sembahyang sehingga menyusahkan makmum yang uzur dan berkepentingan. Termasuk juga melarang pemilik haiwan membebani haiwannya dengan muatan yang berat dan berlebihan.¹⁴

Institusi hisbah dan peranannya dalam kegiatan ekonomi

Sekiranya dilihat beberapa contoh bidang tugas yang disebutkan, ternyata banyak peranan institusi *hisbah* yang berkaitan dengan kegiatan sektor ekonomi di dalam negara Islam. Kepentingan institusi ini dalam mengawasi urusan ekonomi bukan sahaja melibatkan aspek luaran tetapi merangkumi juga pengawasan dari aspek dalaman, akhlak dan moral individu-individu yang terlibat dalam kegiatan tersebut.

Perkaitan rapat antara kegiatan ekonomi dengan institusi *hisbah* ini terbukti melalui catatan dan tulisan-tulisan yang membicarakan tentang *hisbah* dan tugas-tugas *muhtasib*, sebagai contohnya Ibn al-Ikhwah¹⁵ menyebut dalam pendahuluan karyanya yang bermaksud:

“Dalam buku ini aku memikirkan untuk mengumpulkan kata-kata ulama yang bersandarkan kepada hadis-hadis Rasulullah SAW tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan tugas *muhtasib* iaitu orang yang dilantik untuk mengawasi masalah rakyat, membongkar penipuan di pasar-pasar dan memastikan setiap urusan bersesuaian dengan kehendak syarak”.

Manakala penyunting (*muhaqqiq*) buku *Nihayah al-Rutbah fi Talab al-Hisbah* ada menyebutkan:

“Dia (pengarang) telah memperlihatkan corak kehidupan sosial pada zamannya secara terperinci khususnya dalam soal yang berkaitan dengan pasar, barangan yang dijual, adat dan taqlid kepada kita.”

Secara umumnya tugas institusi *hisbah* dalam mengawasi kegiatan ekonomi di negara Islam boleh dibahagikan kepada dua peranan utama, iaitu peranan umum yang termasuk di dalamnya sektor ekonomi dan sektor-sektor serta peranan khusus yang melibatkan sektor ekonomi sahaja.

Peranan umum institusi *hisbah* dalam sektor ekonomi

Peranan umum yang dimaksudkan ialah peranan institusi *hisbah* dalam menegakkan *maruf* dan mencegah mungkar yang bersifat umum iaitu pelaksanaannya menyeluruh dan tidak terbatas kepada tempat-tempat tertentu sahaja. Biasanya ia melibatkan perkara-perkara yang

bersangkutan dengan nilai-nilai keagamaan dan kepentingan awam. Antara peranan umum institusi *hisbah* yang ada hubung kaitnya dengan sektor ekonomi ialah:

A. Menjaga dan mengawasi kesahihan akidah dan ibadat umat Islam

Akidah dan ibadat merupakan dua perkara pokok dalam ajaran Islam. Umat Islam wajib dan mesti menetapkan dirinya berada dalam akidah Islam yang betul dan seterusnya wajib pula mengerjakan segala ibadat yang difardukan oleh Allah SWT. Oleh itu, dalam memastikan umat Islam sentiasa beriltizam atas landasan Islam yang sebenar dan mengikuti segala ajarannya serta menjauhi segala larangannya maka institusi *hisbah* bertanggungjawab untuk mengawasi, menasihati, dan memperbetulkan keadaan sekiranya terdapat orang-orang yang jahil dan ingkar dalam kedua-dua perkara ini walau di mana ia berlaku.

Contoh yang biasa berlaku kecuaihan dan kealpaan dalam perkara ini ialah solat Jumaat, di mana ramai yang tidak menunaikan solat jumaat terutamanya di kawasan-kawasan sibuk seperti pusat perniagaan, pasar dan seumpamanya. Dalam hal ini *muhtasib* boleh memantau dan mengambil tindakan ke atas mereka yang ingkar.¹⁷

B. Mengawasi akhlak dan moral masyarakat

Antara tanggungjawab institusi *hisbah* adalah untuk memastikan setiap anggota masyarakat di bawah jagaannya mematuhi dan mengamalkan akhlak dan moral Islam dalam setiap perkara.

Untuk tujuan tersebut *muhtasib* boleh mengambil tindakan menasihati, menangkap atau mendenda individu yang didapati perlakuannya mencurigakan seperti berdua-duaan lelaki dan perempuan, mengintai keaiban orang, mengunjungi pusat-pusat hiburan dan seumpamanya.¹⁸ Begitu juga *muhtasib* berhak melarang pembawa kayu api, batu bata, air dan sebagainya memasuki pasar dalam keadaan atau masa tertentu kerana dibimbangi akan mengotorkan pakaian orang ramai yang lalu-lalang di situ.

C. Menyelia dan menjaga kemudahan awam

Kemudahan-kemudahan awam yang disediakan oleh kerajaan adalah untuk kepentingan dan kesenangan bersama. Kemudahan awam yang bersih, elok, dan selamat tentunya memberi keselesaan kepada orang ramai ketika menggunakannya. Demi memastikan kemudahan-kemudahan awam ini kekal selamat dan tidak menyusahkan orang ramai, pihak kerajaan Islam melalui institusi *hisbah* berkewajipan melindungi dan menjaga harta awam ini daripada anasir-anasir yang boleh merosak atau mencacatkan kemudahan awam tersebut.

Sehubungan itu, *muhtasib* boleh mencegah setiap halangan yang dapat mengganggu kelancaran lalu lintas di jalan raya seperti melarang penjual meletakkan barangan di jalan yang sesak, peniaga yang memanjangkan dinding kedainya sehingga melewati kawasan laluan awam, individu yang memanjangkan anjung rumah atau menanam pokok di jalan yang sempit sehingga mengganggu orang ramai yang menggunakan jalan tersebut.²⁰ Selain itu, *muhtasib* juga berperanan memastikan kedudukan pasar selesa dan sesuai untuk kegiatan perniagaan. Mereka bertanggungjawab menyusun kedudukan kedai-kedai di mana setiap kedai diasingkan mengikut jenis barangan yang diniagakan. Contohnya bahagian makanan, buah-buahan dan sayuran diletakkan pada satu tempat, sementara bahagian wangi-wangian dan ubat-ubatan pula di tempat yang lain. *Muhtasib* juga memainkan peranan memupuk persefahaman dan menjalin kerjasama antara pelbagai sektor ekonomi di satu-satu kawasan.²¹

D. Mengawasi kebersihan premis dan kesihatan penduduk

Kebersihan premis-premis perniagaan menjadi tugas institusi *hisbah* menjamin dan memastikan berada di tahap yang memuaskan dan terkawal.

Antaranya, *muhtasib* bertanggungjawab mengawasi kebersihan makanan, bekas makanan, tempat makan dan para pkerjanya. Setiap makanan yang dijual hendaklah dipastikan bersih dari

sebarang kekotoran. *Muhtasib* berhak untuk memerintahkan tukang-tukang masak membersihkan bekas-bekas masakan dan membasuhnya dengan air panas. Mereka juga hendaklah menutup bekas-bekas makanan dan menjaganya supaya tidak terkena debu dan dihindangi lalat. *Muhtasib* seterusnya diberi kuasa memeriksa makanan yang dijual di pasar-pasar dan hotel-hotel untuk memastikan kebersihannya dan mereka juga berhak menyuruh penjual air menutup bekas airnya dengan kain agar tidak dimasuki kotoran.

Seterusnya soal kesihatan penduduk juga turut diawasi oleh *muhtasib*. Menjadi tanggungjawab *muhtasib* mengawasi kelayakan para doktor dan ahli farmasi kerana merekalah orang yang bertanggungjawab menjaga kesihatan awam. *Muhtasib* juga diberi kuasa melakukan pemeriksaan terhadap ubat-ubatan yang dipasarkan pada setiap minggu. Di samping itu, mereka juga hendaklah memastikan bahawa ahli farmasi yang bertugas mencampurkan ubat-ubatan atau makjun itu benar-benar berkelayakan dan mahir dalam tugasnya supaya tidak memudaratkan pesakit atau membawa maut.

E. Mencegah penindasan dan penganiayaan terhadap golongan lemah

Institusi *hisbah* bertanggungjawab membanteras kezaliman dan kemungkaran. Oleh itu institusi ini perlu mengawasi majikan dan golongan usahawan supaya mereka memberi layanan yang saksama kepada para pekerja mereka. Tindakan pemerasan terhadap pekerja sama ada dari segi bayaran upah, bebanan kerja atau kekasaran layanan perlu dihentikan oleh *muhtasib*. Bukan itu sahaja, malah layanan yang baik terhadap haiwan juga turut diberi perhatian dalam tugas institusi *hisbah*. Para *muhtasib* boleh memerintahkan pemilik haiwan tunggangan memberi makanan yang secukupnya kepada haiwan tunggangan dan tidak membebankannya dengan muatan yang terlalu berat.

Peranan khusus institusi *hisbah* dalam sektor ekonomi

Peranan khusus yang dimaksudkan ialah peranan institusi *hisbah* yang berkaitan secara langsung dengan kegiatan ekonomi dalam negara Islam. Antaranya ialah:

I. Memastikan barangan yang dipasarkan adalah halal dan mematuhi kehendak syarak

Ekonomi Islam mempunyai identitinya yang tersendiri. Ia bukanlah semata-mata diasaskan bagi mendapat keuntungan tanpa mengambil kira kesan sampingan terhadap agama dan mudarat yang mungkin timbul kepada anggota masyarakat. Sehubungan ini, Islam menetapkan setiap barangan yang dipasarkan hendaklah dipastikan halal dan bermanfaat kepada pengguna. Barangan yang haram dan boleh mendatangkan mudarat pula hendaklah ditegah daripada dijual kepada masyarakat.

